

# PENA PUMAS

PENERANGAN UMNO MALAYSIA | EDISI KEDUA | APRIL - MEI 2020

## “NORMAL BAHARU”: SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN **UMNO KE-74** & RAMADAN AL-MUBARAK 1441 HIJRAH



PENA PUMAS

EKSKLUSIF

# ISI KANDUNGAN

## UTAMA

1-3

“Normal Baharu”:  
Sambutan Hari Ulang Tahun  
UMNO Ke-74 & Ramadan  
Al-Mubarak 1441 Hijrah



## EKSKLUSIF

4-8

Ekslusif Pena PUMAS  
edisi kedua bersama  
Timbalan Presiden UMNO,  
YB Datuk Seri Utama Mohamad  
Haji Hasan

## PENA PUMAS

9-11

“Jasa Bakti UMNO Merentas  
Generasi” oleh Setiausaha Agung  
UMNO Malaysia, YB Datuk Seri  
Haji Ahmad bin Haji Maslan

Sejarah terbentuk kali pertama Presiden Pas, YB Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang hadir ke Bilik Gerakan Utama Muafakat Nasional, Tingkat 36 Menara Dato' Onn, PWTC. Kehadiran beliau disambut penuh mesra dan akrab oleh Presiden UMNO, YB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

## BUAL BICARA

12-15

Sesi Bual Bicara bersama YB  
Datuk Seri Reezal Merican Naina  
Merican, Menteri Belia & Sukan  
Malaysia

## PERSPEKTIF

16-18

3 Rangkaian: Tawakal Berakal &  
Bersyariat Dalam Mendepani  
“The New Norm” oleh Datuk Dr.  
Fathul Bari Mat Jahya

## METROPOLITAN

19-21

‘Shah Alam Kota Sepi’

## SANA SINI

22-24

Bersama Tuan Zurihan Yusop,  
Ketua UMNO Bahagian Kuala  
Langat

## KOLUMNIS

25-33

### Zon Utara

Kelangsungan Parti UMNO  
Pasca Covid-19

### Zon Tengah

Mendepani “Normal Baru”

### Zon Pantai Timur

Ramadan Di Musim “Kemarau”

### Zon Selatan

Perspektif Covid-19:  
Dari Krisis Kepada Peluang

## ANALISIS & PANDANGAN

35-39

### UMNO 74 Tahun

oleh Datuk Prof. Ramlah Adam

### Ayah Utamakan Pekerjaan, Pekerjaan, Pekerjaan oleh Shahril Hamdan

## 1946

40-42

Pencantuman Persatuan  
Melayu Lahirnya UMNO

## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

Ketua Penerangan UMNO Malaysia

### Ketua Eksekutif Kumpulan

Muhamad Iqbal Jamal Hj Jamaludin

### Ketua Pengarang

Jefrizal Mohd Jaafar

### Kolumnis & Wartawan

Dr. Novandri Hasan Basri  
Mohamad Fakhzan Md Noor  
Mohd Fared Mohd Khalid  
Irfan Zamri  
Khairil Baharuddin  
Aemirulrizaki Ramblji

### Ketua Grafik & Pemasaran

Ali Amir Razali

### Jabatan Penerangan UMNO Malaysia

Tingkat 38  
Menara Dato' Onn  
Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur  
t: 03 4042 9511 f: 03 4045 6433  
e: pumasmagazine@aol.com



# **“NORMAL BAHARU”: SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN UMNO KE-74 & RAMADAN AL-MUBARAK 1441 HIJRAH**

Oleh: Editor | [pumasmagazine@aol.com](mailto:pumasmagazine@aol.com)

Tanggal 11 Mei 2020 bersamaan 19 Ramadan 1441 Hijrah menempa satu lagi sejarah moden baru bilamana Hari Ulang Tahun ke-74 parti terbesar bangsa Melayu, UMNO disambut dalam suasana yang tidak pernah tergambar sebelum ini; dalam Perintah Kawalan Pergerakan berakibat krisis pandemik COVID-19 yang melanda hampir seluruh dunia.

Namun demikian, sebagai parti tertua wujud di negara ini UMNO sekali lagi merentasi dinamika kematangan dengan penyusunan program yang tidak keterlaluan dianggap sederhana tetapi amat sarat serta padat, kemas dan teratur, agar kehadiran hari yang penuh bermakna yakni kela-hiran sebuah parti dianggap ‘keramat’ oleh bangsa Melayu - yang memerdekaikan tanah air tercinta ini 63 tahun lalu, seterusnya membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara terkenal lagi disegani dunia - dapat dirasai bukan sahaja oleh 3 juta lebih ahlinya, tetapi rakyat Malaysia amnya.



Ucapan setinggi tahniah wajar diberi kepada pengurusan ibu pejabat UMNO Malaysia di bawah ‘stewardship’ Setiausaha Agong yang baharu dilantik, Datuk Seri Ahmad Maslan atas penganjuran pelbagai aktiviti digital terutama secara atas talian (*online*) sejajar dengan norma-norma baharu (*new normal*) saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).





Selain program-program anjuran Jabatan Penerangan UMNO Malaysia yang membawa tokoh pelbagai peringkat kepimpinan dalam siri-siri rakaman langsung atau tertunda di platform-platform media sosial bermula seawal seminggu sebelum kehadiran tarikh penuh bersejarah hingga seminggu melewati tarikh sambutan tersebut, UMNO turut melakarkan sejarah baru apabila Presiden parti, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melakukan sidang 'conference call' bersama Pengurus atau wakil Badan Perhubungan UMNO negeri-negeri serta 3 wakil Badan Perhubungan UMNO Luar Negara (BPLN) yang ditonton secara 'live' atau terus menerus oleh ratusan ribu ahli parti khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Sudah pasti ini adalah sejarah tersendiri yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana parti sahsiah dalam negara ini.



Penyerahan Anugerah Kecemerlangan kepada Timbalan Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara oleh YB Presiden UMNO Malaysia



Sedutan klip video ucapan Sambutan Hari UMNO oleh YB Timbalan Presiden UMNO Malaysia

Apapun, pasca pandemik COVID-19 yang memaksa seluruh rakyat negara ini memulakan kehidupan dengan nilai-nilai norma baharu tidak sekali-kali dapat menghalang sambutan Hari Ulang Tahun UMNO ke-74 ini diraikan oleh seluruh ahlinya dengan penuh rasa insaf, tawaduk dan kesyukuran.

Akhir kata, tidak terlewat rasanya untuk Pena PUMAS tujukan ucapan khas kepada seluruh ahli keluarga UMNO dalam dan luar negara, dengan ucapan "Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun ke-74 Penubuhan UMNO dan Salam Ramadan Al-Mubarak".

# EKSKLUSIF

## BERSAMA

### TIMBALAN PRESIDEN UMNO

### YB DATUK SERI UTAMA MOHAMAD HAJI HASAN

oleh: Editor | [pumasmagazine@aol.com](mailto:pumasmagazine@aol.com)



Eksklusif Pena PUMAS edisi kedua bersama Timbalan Presiden UMNO, YB Datuk Seri Utama Mohamad Haji Hasan. Terkenal sebagai seorang pemimpin yang dinamik dan berani membawa arus perubahan setelah kekalahan Barisan Nasional pada Pilihan Raya Ke-14 lalu terutama dalam siri-siri Pilihan Raya Kecil, Pena PUMAS membawa ‘Tok Mat Hasan’ mengupas isu utama negara dan lanskap politik tanah air.

UMNO BERUSIA 74 TAHUN. BOLEH DATUK SERI KONGSI SEDIKIT PENGALAMAN PAHIT MANIS PERJUANGAN DI DALAM UMNO?

Saya adalah generasi pengisi kemerdekaan. Generasi saya tidak pernah terlibat dengan perjuangan menuntut kemerdekaan. UMNO selepas kemerdekaan mempunyai tanggungjawab yang sangat besar, iaitu memaknakan sebuah kemerdekaan. Zaman selepas kemerdekaan bukanlah zaman senang. Ia sangat mencabar dan banyak sekali kesusahan yang UMNO harus lalui, termasuklah pengalaman mengurus konflik 13 Mei.

UMNO tidak banyak sumber dan mungkin satu-satunya sumber terbaik UMNO kala itu ialah ahlinya yang benar-benar mencintai, menghargai dan memahami perjuangannya. Kerana itu kami menyertai UMNO, iaitu untuk membantu parti menjayakan pelbagai agendanya demi kelangsungan bangsa dan negara. Tiada agenda lain dan tiada tujuan lain. Oleh kerana kedudukan negara waktu itu bukanlah maju dan berada, maka banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi. Pahit dan manis itu sangat banyak kerana itu adalah lumrah sebuah perjuangan.

Antara saat manis, ialah bila saya diberikan kepercayaan untuk menerajui Negeri Sembilan oleh YAB Tun Abdullah Badawi. Ia membuka ruang seluasnya untuk saya menyertai politik secara sepenuh masa dan berkhidmat untuk parti dan rakyat. Pastinya ia pengalaman yang berharga kerana saya sebelumnya memimpin sektor korporat. Beralih dari sektor korporat untuk memimpin sebuah negeri sebagai pemimpin politiknya adalah pengalaman yang ‘surreal’.

Kalau yang pahit dalam politik itu, banyak sekali tiada sepahtit melihat tewasnya UMNO dalam PRU ke 14. Ia adalah pengalaman yang sangat menginsafkan dan benar-benar memukul. Tapi demikianlah adat hidup. Hujan panas permainan hari, susah senang permainan hidup dan kalah menang permainan politik.

PASCA PRU14 DAN KEKALAHAN BN, MAKA TERTUBUHNYA PENYATUAN UMMAH MEMBAWA KEPADA MUAFAKAT NASIONAL. SEBAGAI ANTARA PEMACU UTAMA MN, BOLEH DATUK SERI KONGSI MOTIVASI YANG MENDORONG DATUK SERI MENJAYAKAN PENYATUANINI.

Sebab utama ialah terancamnya kekuatan politik Melayu Islam. Bila hilangnya dominasi politik Melayu Islam dalam Kerajaan Pakatan Harapan (PH), ia adalah ancaman nyata kepada kelangsungan politik bangsa Melayu. Jika kesusutan ini tidak diurus dengan baik, maka kestabilan negara ini akan terancam. Apa pun formula pemerintahan yang ingin kita tamsilkan, ia mesti diasaskan kepada politik Melayu Islam. Ianya adalah faktor 'equilibrium' (seimbang) yang tidak boleh sama sekali dikompromi dalam apa jua keadaan.

Pada masa yang sama, perpecahan ummah antara UMNO dan PAS adalah tidak menguntungkan. Ia sangat merugikan malah ia melemahkan bangsa Melayu dan kedudukan Islam. Maka apa jua langkah untuk membawa keduanya bekerjasama adalah sangat strategik. UMNO dan PAS itu berdua dan adalah lebih baik berdua dalam politik dari bersendirian. Apatah lagi dalam memperjuangkan kepentingan ideal bangsa Melayu dan Islam. Kerana itulah Muafakat Nasional itu kita zahirkan.

DATUK SERI PERNAH MEMBAWA KEJAYAAN UMNO-BN DALAM BEBERAPA SIRI PRK. KEJAYAANINI JUGA DILIHAT SEBAGAI SATU MEMORANDUM ATAU MANIFESTASI KEMARAHAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN PH HINGGA TUMBANG DAN DIGANTI DENGAN KERAJAAN BAHRU PN. BAGAIMANA DATUK SERI MELIHAT PERISTIWAINI DAN SAMPAI BILA PADA FIRASAT DATUK SERI RAKYAT SELESA DENGAN KEWUJUDAN KERAJAAN BAHRU?

Kemenangan kita dalam beberapa PRK adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Prestasi PH yang sangat mengecewakan, terutama kegagalan mereka melaksanakan semua janji pilihan raya adalah faktor utama pada pandangan saya. Kedua ialah faktor calon. Kita menonjolkan calon yang boleh menang. Ketiga ialah gembelingan kekuatan UMNO dan

PAS. Ini adalah strategi yang sangat ampuh dan mempunyai impak yang sangat tinggi.

Kemenangan ini semua tidak boleh dianggap sebagai kembalinya sokongan orang Melayu kepada UMNO. Memang ada peningkatan terhadap sokongan orang Melayu kepada UMNO tetapi ia didorong oleh pelbagai faktor lain dan tidak hanya kerana orang Melayu benar-benar telah yakin dan percaya dengan UMNO. Jadi UMNO tidak boleh leka dan mesti bekerja lebih keras untuk meningkatkan sokongan kepadanya.

Yang pasti ialah siri kemenangan itu telah menggugat wibawa dan kepercayaan rakyat terhadap PH. Ia seperti suatu referendum bersiri, bahawa PH telah gagal sebagai sebuah Kerajaan. Ini secara tidak langsung telah mewujudkan konflik dalam PH. Ia mewujudkan rasa 'insecurity' (tidak selamat) dalam kalan-gan beberapa kelompok tertentu dalam PH. Akhirnya konflik dalaman itulah yang telah menyumbang kepada kejatuhan Kerajaan PH dan munculnya PN.

Sama ada rakyat selesa atau tidak dengan PN, adalah sukar untuk mengukurnya waktu ini. Sebaik sahaja PN ditubuhkan, pandemik COVID-19 pun memaksa Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan ini meletakkan PN dalam keadaan menanggani krisis. Tapi kalau kita nilai selama dua bulan ini, saya berpandangan PN telah melakukan tindakan dan respon yang sesuai, betul dan diyakini. Sama ada mereka akan terus bertindak dengan betul dan benar dalam memerintah negara ini adalah penentu kepada kelangsungannya.

**Apa pun formula pemerintahan yang ingin kita tamsilkan, ia mesti diasaskan kepada politik Melayu Islam.**



**Saya ingin memberikan perhatian kepada UMNO, membantu mengemudinya ke jalan pembaharuan dan jalan yang lebih baik.**

KOMEN DATUK SERI WAKTU BIDAS MP DAP, ONG KIAN MING TENTANG KERETAKAN KERAJAAN PN MENARIK PERHATIAN RAMAI PIHAK TERUTAMA TENTANG TIADANYA PERJANJIAN KERJASAMA UMNO DALAM PN. SEBAHAGIAN KECIL BERANGGAPAN INI ADALAH KEABSAHAN TUDUHAN ONG KIAN MING SENDIRI BAHAWA KERAJAAN PN ITU ADALAH KERAJAAN YANG RAPUH. BOLEH DATUK SERI JELASKAN?

Saya sangat jelas dalam perkara ini. Kedudukan kita dalam PN ialah untuk bekerjasama mengurus negara bagi mengelakkan krisis politik yang berpanjangan. Ia hanya sebuah persefahaman dan bukan kerjasama politik yang ‘sophisticated’ (canggih) dan kemas seperti BN dan MN. UMNO dan PN tidak mempunyai asas kerjasama yang jelas dan kukuh.

UMNO mesti jelas dalam perkara ini. Kita tidak boleh memeterai pelbagai kerjasama yang akhirnya mengelirukan semua pihak tentang hala tuju kita. Apa jua kerjasama politik kita mesti mengukuhkan UMNO dan bukan sebaliknya. ‘Meniduri’ parti politik lain demi kepentingan politik sempit bukan cara UMNO.

Sama ada PN adalah kerajaan yang rapuh atau tidak, itu terpulang kepada pemainnya. Jika pemainnya berprestasi, meyakinkan dan melakukan perkara yang betul dan diterima oleh rakyat, maka PN pasti akan mengukuh. UMNO akan melakukan yang terbaik kerana UMNO menyokong kepimpinan Tan Sri Muhyiddin dan telah berjanji untuk menjayakan PN sehingga pilihan raya seterusnya.

Apa yang akan berlaku selepas penggal ini adalah cabaran politik yang harus kita tempuh dan hadapi. Yang jelas UMNO akan setia dengan rakan politiknya dalam BN dan MN dan segala keputusan UMNO mestilah bersandarkan persefahaman kolektif BN dan MN.

**KRISIS COVID-19 MEMAKSA BUKAN SAHAJA PENTABIRAN KERAJAAN, SWASTA, EKONOMI DAN LAIN-LAIN TERENCAT BAHKAN PERJALANAN PARTI UMNO JUGA TERSEKAT. PRESIDEN MEMAKLUMKAN UMNO TIDAK TERKECUALI TERKESAN DAN MEMBAYANGKAN PENANGGUHAN PERJALANAN MESYUARAT AGUNG ATAU TAHUNAN JUGA BERLAKU DARI PERINGKAT CAWANGAN HINGGA KEBANGSAAN.INI TERMASUK SOAL PEMILIHAN PARTI YANG DIJANGKA BERLANGSUNG 2021. KOMEN DATUK SERI?**

Demokrasi tidak boleh terhenti hanya kerana kita berhadapan dengan wabak pandemik ini. Kita mesti berupaya untuk mencari kebijakan baru dalam mengurus aktiviti politik kita. Kita harus menerima hakikat norma baru yang kita war-warkan adalah ‘norma janggal’ yang juga mesti kita akhiri. Jadi apa juga keputusan kita untuk menjayakan mesyuarat dan pemilihan parti, mesti didasarkan kepada keseimbangan ‘the new normal’ (normal baharu) nasihat saintifik dan kepentingan penerusan kegiatan sosial dan politik. Parti akan memutuskan perkara ini bila tiba masanya.

**BARU-BARU INI RAKYAT TERTARIK DENGAN LAPORAN BERITA BAHAWA DATUK SERI MENOLAK JAWATAN GLC DALAM KERAJAAN KERANA INGIN FOKUS KEPADA TUGASAN PARTI. BOLEH DATUK SERI JELASKAN LEBIH LANJUT KEPUTUSAN TERSEBUT?**

UMNO tergelincir daripada kuasa setelah kita memerintah selama 61 tahun. Salah satu sebabnya ialah kerana kita terlalu terpesona dengan jawatan, kuasa dan kekayaan. UMNO adalah parti yang kelangsungannya sangat bergantung tentang bagaimana ia menyantuni rakyat. Tetapi kita lupa itu. UMNO jadi parti politik ‘for the few and not the many’ (kepada minoriti bukan majoriti), UMNO lupa dengan ‘the Malaynism’ dan ‘Malaysianism’ nya. Akhirnya, UMNO tewas kerana sahsiahnya lemah, ideologinya tergelincir dan keutamaannya tersasar. UMNO dijadikan tambatan untuk kekayaan dan kuasa.

Saya adalah seorang yang yakin bahawa satu-satunya jalan untuk UMNO bangkit semula dan berkuasa ialah untuk UMNO menjalani proses islah. Proses pembaharuan dan pemberaan. Ia mesti menjadi pergerakan politik dengan ideal yang lebih unggul, dipasak dengan integriti dan akhlak dan disuburkan dengan idea dan pemikiran terbaik

Semenjak kita menyertai Kerajaan PN, pesona kuasa kembali menguasai UMNO. Islah, pembaharuan dan pemberaan UMNO ini seperti tergendala, malah dilupakan. Saya rasa ini mesti segera kita luruskan. Kerana itu saya menolak perlantikan dalam GLC (Syarikat Terkait Kerajaan). Saya ingin memberikan perhatian kepada UMNO, membantu mengemudinya ke jalan pembaharuan dan jalan yang lebih baik.

Yang pasti saya tidak mampu melakukannya sendirian.

la mesti dilakukan secara bersama. Tetapi tidak mempunyai fokus dan tidak melakukannya secara bersungguh-sungguh adalah

tidak adil kepada UMNO. Kita mesti melakukannya dengan sepenuh hati dan fokus. InsyAllah itulah yang akan saya lakukan dengan bantuan rakan-rakan dan izin Allah.

#### 18 MEI ADALAH TARikh DEWAN RAKYAT BERSIDANG. PEMBANGKANG PH MENGGESA AGAR MASA 1 HARI DILANJUTKAN. PANDANGAN DATUK SERI?

Setiap keputusan Kerajaan mesti mempunyai proses semak dan imbang. Kita adalah demokrasi berperlembagaan dan kerana itu, pertanggungjawaban adalah inti pati penting dalam sistem pentadbiran kita. Namun Kerajaan dan Parlimen mempunyai pertimbangan mereka sendiri dalam menentukan tempoh persidangan sesuai dengan faktor impak wabak COVID-19, kepentingan awam dan kepentingan demokrasi.

Saya berpandangan Kerajaan berada dalam 'an extraordinary time, circumstances and challenges' (masa, keadaan dan cabaran yang luar biasa). Maka urusan Kerajaan juga berubah kerana pengaruh dan tekanan luar biasa tersebut. Sama ada ia sehari atau lebih, kang. Biar mereka menyelesaiannya sementara kita menyelesaikan urusan kita. Terlalu banyak yang perlu kita berikan perhatian kerana PKP dan dampaknya terhadap ekonomi, politik dan kehidupan rakyat.

#### YAB PERDANA MENTERI TELAH UMUMKAN FASA KE-4 PKP DENGAN BERSYARAT ATAU PKPB.INI BAGI MELONJAKKAN SEMULA KERANCAKKAN EKONOMI YANG JATUH SEPANJANG KRISIS COVID-19. PEMERHATI MELIHAT ADA KONFLIK ANTARA KEPERLUAN KESELAMATAN ATAU NYAWA DAN KEPERLUAN ASAS ATAU KEHIDUPAN. APA PANDANGAN DATUK SERI TENTANG KONFLIK NYAWA DAN KEPERLUAN INI?

Kerajaan telah mengumumkan pembukaan sektor ekonomi hampir sepenuhnya. Ini adalah sebahagian dari "recovery strategy" (strategi pemulihan) yang tepat. Tiada konflik antara kepentingan nyawa dan ekonomi dalam perkara ini. Bagi saya tanggungjawab Kerajaan ialah memberikan pertimbangan antara

kesihatan awam dan kepentingan ekonomi negara. Dan saya pasti Kerajaan telah melakukanya dengan nasihat saintifik terbaik.


Yang jelas ialah kita harus hidup dengan virus ini sehingga vaksin ditemui. Tetapi kita juga tidak boleh menjadikan 'a locked down' (berkurung) itu sebagai strategi untuk memerangi virus ini. Ia hanyalah langkah pencegahan. Dapatkan sains terkini dan termaju, jelas menyatakan bahawa dengan penjarakan sosial dan menjaga kebersihan diri, kita boleh memutuskan jangkitan dan meneruskan kehidupan kita.

'Stay home' (duduk rumah) juga tidak boleh menjadi kelaziman baru yang berpanjangan. Ia akan menjadi sesuatu yang 'counterproductive' (tidak produktif) kerana perniagaan, pekerjaan dan keusahawanan mesti kita selamatkan. Kerajaan yang bertanggungjawab ialah Kerajaan yang mesti 'restart' (bermula baru) ekonominya kerana tanpa ekonomi yang cerdas, pengangguran dan kehilangan kerja akan mencetuskan konflik sosial yang lebih parah.

Kadar kematian kerana jangkitan COVID-19 hanyalah 1.6 peratus dari jumlah kes. Malah Malaysia dengan sistem kesihatan bertaraf dunia, mempunyai kemampuan untuk mengekang jangkitan dengan baik sekali. Jadi untuk tidak membenarkan ekonomi berfungsi adalah tindakan yang tidak sesuai dengan kepentingan nasional, apatah lagi jumlah mereka yang kehilangan kerja telah mencecah 520,000 orang dalam tempoh PKP tersebut.

Persekolahan dan pembelajaran tidak lagi boleh tertunda. Kehidupan beragama, kegiatan sosial dan kelestarian komuniti kita mesti kembali sesuai adat, budaya dan resam masing-masing. Virus ini tidak boleh menenggelamkan tamadun, kemajuan, kebudayaan dan kehidupan beragama dan bermasyarakat kita.

**Kerajaan telah mengumumkan pembukaan sektor ekonomi hampir sepenuhnya. Ini adalah sebahagian dari "recovery strategy" (strategi pemulihan) yang tepat.**



## **NASIHAT DATUK SERI KEPADA KERAJAAN PN TENTANG KEPERLUAN MENDESAK RAKYAT YANG BERGANTUNG HARAP DENGAN EKONOMI SEMASA YANG MURAM? DAN NASIHAT KEPADA RAKYAT SECARA AMNYA.**

Ekonomi kita berhadapan dengan cabaran luar biasa. Harga minyak berada dalam paras terendah. Wabak pandemik patogen pula adalah antara wabak terparah dalam sejarah moden. Dan PN pula memerintah dengan sokongan yang sangat tipis. Semua ini adalah mimpi negeri untuk mana-mana Kerajaan.

Tetapi rakyat juga faham kedudukan Kerajaan. Kita tidak pernah berada dalam kedudukan seperti ini, apalagi mempunyai pengalaman mengurus kerumitan ini. Selagi kita melakukan yang terbaik untuk rakyat, menjelaskanya dengan rasional dan berusaha segigihnya untuk meringankan beban mereka, PN akan terus bertahan.

Kepada rakyat Malaysia, kita juga mesti munasabah dan berpadan dalam tuntutan kita kepada Kerajaan dalam saat sukar sebegini. Marilah kita saling membantu dan membahu dengan Kerajaan dalam mengatasi saat sukar ini. Kembalilah kepada kearifan bangsa kita, yang ringan sama dijinjing dan yang berat sama dipikul. Hanya dengan kebersamaan antara rakyat dan Kerajaan, negara kita akan melalui saat sukar ini dengan segera dan berjaya.



# PENA **PUMAS**



Semangat sedikit, jangan dibuang,  
Sekian lama, sudah membara,  
**UMNO Bangkit, terus berjuang,**  
Demi agama, bangsa negara.



**YB DATUK SERI  
HJ AHMAD  
B. HJ MASLAN**

**SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA**

# JASA BAKTI UMNO MERENTAS GENERASI



YB Datuk Seri Hj Ahmad bin Hj Maslan

Setiausaha Agung UMNO Malaysia

Selama 74 tahun UMNO dan pemimpinnya berjasa kepada rakyat di negara Malaysia. Jangan dilupa hakikat itu. Sejak tahun 1946 hingga ke hari ini tahun 2020, setiap kita rakyat menerima jasa yang telah dan sedang dicipta samada secara langsung atau pun tidak. Generasi demi generasi, UMNO menabur bakti.

Penentangan Malayan Union, kemerdekaan tanah air tercinta, mengisi kemerdekaan, menstabilkan politik selepas 13 Mei 1969, Dasar Ekonomi Baru DEB, pelbagai dasar yang dibuat oleh Perdana Menteri UMNO dalam kerajaan Barisan Nasional hingga kepada pemujudan suasana damai dengan PAS melalui Muafakat Nasional, UMNO dan pemimpinnya sentiasa menabur jasa.

Anak-anak kampung daripada keluarga yang miskin disamaratakan taraf pendidikan dengan anak-anak bandar yang ibu bapa mereka kaya raya. Anak kampung itu diberi biasiswa atau pinjaman untuk belajar di institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara dan kini mereka menguasai pelbagai sektor; menjadi penjawat awam, usahawan, profesional, NGO atau ahli politik. Semua ini berjaya dibuat dengan DEB, dasar pendidikan dan dasar lain hasil cetusan idea dan kelulusan dalam kabinet kerajaan UMNO dan BN sebelum ini.

UMNO dan PAS bertelagah seperti tidak ingat dunia ini akan kiamat selama lebih 60 tahun yang membawa kepada perpecahan bangsa Melayu yang parah. Namun pertelingkahan itu tamat bila Presiden UMNO Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Presiden PAS Datuk Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang menandatangani Piagam Muafakat Nasional pada 14 Sept 2019 di Dewan Merdeka PWTC Kuala Lumpur. Jasa perpaduan Melayu ini sangat bermakna dalam perjuangan 74 tahun kewujudan UMNO dan 69 tahun perjuangan PAS.

"Berkorban ikhlas, nama dicipta,  
Bila dikenal, mendapat ruang;  
UMNO dan PAS, henti sengketa,  
Muafakat Nasional, teguh berjuang"

Apakah yang wajar UMNO lakukan untuk hari esok dan masa depan? Demi anak cucu dan generasi akan datang maka peristiwa kekalahan kerajaan BN dua tahun yang lalu pada 9 Mei 2018 wajar diam-bil ingatan. Antara puncanya ialah fitnah yang diper-cayai, manifesto yang menipu seluruh rakyat, lebih empat juta terutama anak Melayu tidak mendaftar mengundi dan bangsa Melayu yang berpecah.

Oleh itu, untuk masa depan UMNO dan BN bersama rakan PAS dan parti lain yang ingin

bekerjasama, kita mesti memenangi PRU-15 dengan memastikan rumpun Melayu/Bumiputera tidak berpecah atau sengaja dipecahkan lagi oleh pihak lawan.

Jika 79 kerusi BN pada PRU-14 dapat diperolehi kembali, bersama 18 kerusi PAS dan 32 kerusi di mana undi BN dicampur undi PAS, kerusi itu yang sekarang kalah tetapi boleh dimenangi, maka 129 kerusi akan diperolehi untuk kita memerintah kembali. Dicampur dengan kerusi parti lain yang ingin bersama, kemenangan yang besar boleh kita perolehi.

Untuk apa kita mesti memenangi PRU-15? Lanya adalah bagi memastikan rakyat negara ini hidup makmur dan sejahtera. Telah terbukti selama 62 tahun BN memerintah, kehidupan rakyat negara ini bertambah baik setiap masa merentas satu generasi ke satu lagi generasi. Jika generasi pertama hanyalah penoreh getah dari sebuah kampung yang tidak mempunyai kemudahan asas, generasi ke-dua berjawatan tinggi dengan kehidupan yang lebih baik. Generasi ke-tiga pula mungkin sedang berada di institusi pengajian tinggi atau pusat kemahiran yang menjanjikan kehidupan yang juga berjaya.

Kejayaan itu terbantut selama 22 bulan bila PH-DAP memerintah. Ketika itu suasana tidak harmoni kerap berlaku. Nabi dihina, Raja dihina, tentera dihina, Jawi dihina, bahasa dihina, penjawat awam dibuang, rakyat ditipu dengan manifesto palsu, harta negara dijual dan digadai secara banyak, hutang kerajaan bertambah, ekonomi tidak stabil dan pemimpin UMNO diheret ke mahkamah dengan pertuduhan yang direkacipta merupakan antara peristiwa pahit yang terjadi.

Ketika Perikatan Nasional mengambil alih masa ini, rakyat dan negara seluruh dunia berhadapan pula dengan "perang dunia ke-3" berlawan dengan musuh yang tidak kelihatan, wabak Covid-19. Kita sedang menangani cabaran ini dan sekali lagi pemimpin UMNO berada di barisan hadapan, menabur jasa untuk memastikan kesihatan dan keselamatan rakyat terpelihara.

Sempena Hari UMNO yang ke 74 ini, bersama-sama kita mengenang jasa-jasa UMNO kepada diri, keluarga kita dan marilah kita memastikan parti UMNO terus padu untuk sentiasa menabur jasa bakti kepada rakyat Malaysia, dulu, kini dan selamanya.

"Semangat sedikit, jangan dibuang,  
Sekian lama, sudah membara,  
UMNO Bangkit, terus berjuang,  
Demi agama, bangsa negara."

"Sekian lama, sudah membara,  
Sepanjang hayat, dilupa jangan,  
Demi agama, bangsa negara,  
Prihatin rakyat, jadi pegangan."

(Datuk Seri Ahmad bin Maslan)  
10 Mei 2020

**“ sekali lagi pemimpin UMNO berada di barisan hadapan, menabur jasa untuk memastikan kesihatan dan keselamatan rakyat terpelihara.”**





# BUAL BICARA

oleh: Editor | [pumasmagazine@aol.com](mailto:pumasmagazine@aol.com)

MALAYSIA

**YB DATUK SERI  
Reezal Merican**  
Menteri Belia & Sukan

Pena PUMAS amat bertuah apabila menerima jemputan setuju untuk sesi bual bicara dari pejabat tokoh politik yang terus meningkat naik semenjak menjadi Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri Ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi hingga ke jawatan terakhir beliau selaku Timbalan Menteri Luar Negeri di bawah kepimpinan Perdana Menteri Ke-6, YAB Datuk Seri Najib Abdul Razak.

Sesi bual bicara bersama YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican turut dihadiri bersama oleh Ketua Penerangan UMNO Malayaia, Saudara Shahril Hamdan dan Ketua Pengarang.

**PERTAMA, TIDAK LEWAT UNTUK UCAPKAN TAHNIAH KERANA LANTIKAN SEBAGAI MENTERI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) YANG BAHARU. APA PERASAAN YB ATAS PELANTIKAN SEBAGAI MENTERI DI BAWAH KERAJAAN BAHARU PAKATAN NASIONAL (PN) ?**

Terima kasih banyak atas ucapan tersebut. Pertama, saya berasa bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas ketentuan-Nya untuk saya dilantik menerajui KBS. Saya fikir KBS ini sebuah kementerian yang amat strategik - kerana ia terkait dengan jumlah kelompok generasi muda yang begitu besar. Untuk kumpulan umur 15-30 tahun (lebih 9 juta orang). Jika kita rangkumkan dengan mereka yang berumur bawah 40 tahun - ia mencecah angka 15 juta.

Sudah tentulah, mewakili kumpulan yang sebegini besar dan "berpengaruh", mereka ingin melihat dasar dan polisi yang selari dengan hasrat dan aspirasi mereka.

Pelantikan ini satu cabaran yang besar sebenarnya. Usaha membentuk dan menarik sokongan "generasi muda" kepada idealisme kerajaan tidak mudah ya. Seharusnya, merapatkan jurang "keinginan" anak muda dan apa yang bakal "dihadangkan" oleh kerajaan sebagai "new deal" kepada orang muda itu tidak mudah.

Apapun jua, saya yakin, dengan sokongan dan dokongan parti, dengan sokongan dan dokongan rakan-rakan, insyaAllah saya dapat mengharungi cabaran ini dengan berkesan - sekaligus membulatkan tekad sokongan anak muda kepada kerajaan.

Dengan berlakunya penularan wabak COVID-19, cabaran itu menjadi lebih sukar. Fokus dan tumpuan golongan muda, tidak dapat tidak akan terarah kepada strategi kerajaan dalam menangani keresahan mereka.

**KERAJAAN TERDAHULU (PAKATAN HARAPAN) HANYA MAMPU BERTAHAN SELAMA LEBIH KURANG 22 BULAN. NAMUN DAPAT DILIHAT DARI CABANG PEMBANGUNAN "ORANG MUDA" SEPERTI #UNDI18 YANG MENSASARKAN PEMERKASAAN GOLONGAN MUDA, DAPAT MEMBERI NAFAS BARU. SEBALIKNYA DALAM CABANG PEMBANGUNAN SUKAN KERAJAAN TERDAHULU DILIHAT KURANG EFEKTIF - SEBAGAI PERBANDINGAN ADALAH PENCAPAIAN SUKAN SEA 2019. APA KOMEN YB?**

Pertama, kita perlu akui bahawa idea dan gagasan #Undi18 itu inisiatif yang wajar dihargai. Ia mendapat sokongan bipartisan di Parlimen. Malahan,

segala "pandangan balas" kita sebagai pembangkang (ketika itu) diterima baik dan dimasukkan sebagai dasar kerajaan. Apa maknanya? Makna kata, asas "participatory democracy", memberi ruang kepada semua pihak memberi pandangan, dan ia dihormati dan dihargai. Terus terang, saya anggap #Undi18 itu keputusan yang bersifat "landmark".

Namun begitu, kita mesti bersedia untuk memberi pengisian dan kefahaman kepada generasi muda. Sayangnya, pencapaian anak muda Malaysia daripada aspek "political literacy" dan "political socialization" itu cukup rendah.

Saya tidak bercakap berdasarkan pemerhatian kosong. Indeks Belia Malaysia 2019 memberikan gambaran kepada hakikat ini. Domain "literasi politik" kita jauh di bawah "markah lulus". Seakan-akan ada kelomongan yang perlu diisi segera. Ini juga akan menjadi tumpuan khusus saya dalam masa terdekat ini.

Manakala dalam pencapaian sukan, kalau merujuk kepada Sukan SEA 2019 (kita berada di tempat ke 5). Kita menasarkan 70 pingat emas sebaliknya pulang dengan 56 pingat emas sahaja. Namun begitu, pencapaian atlet kita dalam sukan sepanjang tahun 2019, tidaklah terlalu buruk. 49 orang atlet kita berada di ranking 6 terbaik dunia (7 jenis sukan). Kita mempunyai 4 juara dunia daripada 3 sukan iaitu pencak silat, memanah dan powerlifting. Saya berharap atlet kita dapat menunjukkan prestasi lebih baik dalam masa terdekat ini (pasca COVID-19) dan dalam Sukan Olimpik Tokyo nanti.

KRISIS COVID-19 MEMBERI KESAN BESAR TERHADAP DUNIA DAN NEGARA. SUDAH ADA YANG MEMBINCANGKAN SOAL "NORMA BARU" ATAU "NEW NORMAL" DALAM KEHIDUPAN HARIAN PASCA COVID-19 KELAK. DALAM PEMBANGUNAN SUKAN DAN BELIA, NORMA BARU AKAN BAWA SATU DIMENSI YANG TIDAK DAPAT DIBAYANGKAN SEBAGAI CONTOH - SUKAN YANG MELIBATKAN KUMPULAN BESAR MANUSIA SEPERTI SEBUAH PERLAWANAN BOLA SEPAK DENGAN PASUKAN SERTA PENONTON YANG MENGHIMPUNKAN RIBUAN MANUSIA DALAM SATU-SATU MASA. APA PERANCANGAN KBS DALAM PERSEDIANAN HADAPI NORMA BARU INI?

Benar, saya menerima banyak juga 'rayuan' fraterniti sukan untuk KBS membuat keputusan berani bagi membenarkan beberapa sukan dilaksanakan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Saya sedar bahawa industri sukan, termasuk pengajuran acara dan sebagainya terjejas teruk - tetapi saya nak tegaskan impak dan kesan ekonomi COVID-19 ini cukup menyeluruh. Betul, industri sukan terkesan. Namun impak sama dirasai hampir semua sektor.

Kelaziman baru, atau "new normal" yang dimaksudkan itu sememangnya akan menjadi realiti. Beberapa negara sudah mula memikirkan "exit strategy" dalam bentuk membenarkan sukan tertentu dilaksanakan tanpa penonton. Kita masih melakukan kajian, mendengar pandangan pelbagai pihak berkaitan perkara ini. Walau apa sekalipun, keputusan kita, akan berlandaskan kepada keputusan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia, itu saya boleh tegaskan.

KBS sememangnya mahu industri sukan "rebound" secepat mungkin daripada permasalahan yang ada (kita faham dan maklum, perkaitan dengan isu penajaan, hak penyiaran dan sebagainya), namun "isu kesihatan awam" dan rakyat secara keseluruhannya masih lagi menjadi prioriti.



KBS JUGA TITIK BERATKAN SOAL PEMBANGUNAN INSAN SEBAB ITU WUJUDNYA INSTITUSI-INSTITUSI PENDIDIKAN SEPERTI INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN) DAN INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA (IKTBN). KESAN COVID-19 NAMPAKNYA JUGA MEMPENGARUHI SISTEM PENDIDIKAN MODAL INSAN INI. KALAU DAHULU REVOLUSI INDUSTRI 4.0 SERTA TVET MENJADI TUMPUAN, APA AGENDA YB BAGI PEMBANGUNAN MODAL INSAN PASCA COVID-19?

Mendepani cabaran pasca COVID-19, kita perlu melihat pembangunan modal insan, khususnya generasi muda secara yang lebih menyeluruh. Saya membaca banyak pandangan antarabangsa, dapatan kajian World Economic Forum (WEF), International Labour Organization (ILO) yang menyebut tentang keperluan negara-negara di dunia memberi tumpuan kepada dua perkara iaitu 'reskilling' dan 'upskilling'.

Sebanyak 90 peratus peluang pekerjaan pada masa hadapan menuntut literasi kemahiran digital. Kita mesti mempersiap generasi muda Malaysia ke arah ini. Saya khuatir, jika aspek ini tidak diberikan perhatian, generasi muda Malaysia tidak mampu berdepan dengan cabaran sebenar Revolusi Industri 4.0.

**BERTITIK TOLAK DARI KESAN COVID-19 PADA NEGARA, DIJANGKA PERMASALAHAN PEKERJAAN AKAN DIHADAPI OLEH GOLONGAN MUDA DAN INI MENAMBAHKAN LAGI STATISTIK KADAR PENGANGGURAN PRA COVID-19 . APA CADANGAN YB BAGI SOAL INI?**

Jika kita bersandarkan kepada dapatan dan kajian, apa yang bakal berlaku sememangnya mendatangkan kerisauan kepada kita. Saya sudah meneliti kajian Khazanah Research Institute (KRI), MIER, Jabatan Perangkaan dan sebagainya. Peratusan dan angka yang ditunjukkan sememangnya menunjukkan impak dan kesan COVID-19, akan datangkan masalah kepada golongan muda.

Orang muda mengharapkan tindakan segera kerajaan. Saya faham keadaan itu. Malahan, saya sudah diminta memberi pandangan di dalam beberapa siri mesyuarat strategi ekonomi pasca COVID-19. Saya telah mengemukakan beberapa cadangan, termasuk mewujudkan Skim Perantisan Nasional (SPN) dan tindakan kerajaan yang lebih tegas dalam melakukan usaha 'Malaysianisasi' peluang kerja (job localization) dalam masa terdekat ini.

Bayangkan, hampir 150 ribu peluang kerja selama ini diisi oleh orang luar. Saya dimaklumkan hampir semua jawatan ini bergaji RM3 ribu ke atas. Ada yang mencécah RM10 ribu! Apakah tidak ada anak tempatan yang berkelayakan? Saya yakin dan pasti ada.

**BERALIH KEPADA SOAL POLITIK - DALAM EDISI PERTAMA PENA PUMAS, PRESIDEN UMNO YB DATUK SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI MEMBAYANGKAN BAHAWA PERSIDANGAN TAHUNAN (2020) DARI PERINGKAT CAWANGAN HINGGALAH KE PERINGKAT NASIONAL AKAN ALAMI PENANGGUHAN RENTETAN KRISIS COVID-19,INI TERMASUK SOAL PEMILIHAN YANG SEPATUTNYA BERLANGSUNG TAHUN HADAPAN (2021). PANDANGAN YB.**

Semuanya bergantung kepada kejayaan kita, kerajaan yang ada, di dalam usaha memerangi COVID-19 ini. Jika krisis COVID-19 dapat dikawal dan ditangani lebih awal, saya percaya Presiden juga akan melihat semula cadangan dan kemungkinan itu.

Saya percaya, Presiden parti mempunyai faktor dan angkubah lain sebelum membuat sebarang keputusan. Menjadi kebiasaan, keputusan yang sedemikian penting dan mustahak dibuat secara konsensus dan muafakat di pentas Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO Malaysia. Mungkin "bayangan" yang diberikan Presiden itu merujuk kepada elemen ketidaktentuan masa kini.

**PRESIDEN JUGA MEMAKLUMKAN BAHAWA KERAJAAN PN HARI INI ADALAH SATU BENTUK KERJASAMA TERPAKAI HINGGA SETAKAT PRU 15 NANTI. MN MASIH JADI TARUHAN UTAMA UMNO DAN BN. SEBAGAI BARISAN KABINET MENTERI PN DARI PARTI UMNO APA PANDANGAN YB?**

Saya kira ini bukanlah suatu rahsia. Ia diketahui oleh banyak pihak, malahan saya yakin majoriti rakyat juga memahaminya begitu. Sebenarnya, politik ini medan yang sangat dinamik. Kita tidak wajar mendahului masa. Namun, apabila tiba waktu dan ketikanya kita membuat keputusan, budaya dan adab politik UMNO akan kembali kepada pandangan dan keputusan yang dibuat pimpinan parti (dalam konteks ini, MKT).

Saya orang yang setia kepada parti. Keputusan parti akan dengan sendirinya menjadi amanah kepada saya.

**PULAU PINANG DILIHAT TERLALU TEBAL MENJADI BLOK PEMBANGKANG. DENGAN SITUASI TERKINI, APA HARAPAN YB TERHADAP NEGERI "PULAU MUTIARA" TERSEBUT?**

Secara peribadi saya beranggapan, tidak ada orang yang "terlalu kebal" dalam politik. Saya tidak fikir Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga "kebal". Dalam masa yang sama, saya juga tidak kata usaha untuk kita menang itu mudah. Semuanya kembali kepada ikhtiar, usaha dan kepercayaan rakyat.

Kerja politik tidak boleh berhenti hanya kerana kita merasakan musuh kita kebal. Apakah mereka langsung tidak mempunyai kelemahan? Pasti ada. Peluang sebahagian pimpinan mereka


menjadi kerajaan di pusat juga telah menunjukkan banyak kelemahan dan masalah. Rakyat tahu dan maklum keadaan ini. BN Pulau Pinang perlu mencari naratif dan strategi baru. Kita perlu kenalpasti secara spesifik, ruang yang boleh kita perbaiki pencapaian politik untuk pilihan raya akan datang.

**SOALAN TERAKHIR UNTUK YB. RAMAI MENGATAKAN BAHAWA YB KHAIRY JAMALUDDIN YANG PERNAH MENJADI MENTERI KBS TELAH MELETAKKAN SATU TANDA ARAS (BENCHMARK) YANG TERLALU TINGGI UNTUK DICAPAI OLEH MANA-MANA MENTERI SETERUSNYA. ULASAN YB?**

Tanda aras yang terlalu tinggi itu perlu dilihat secara positif. Kita kena akui "keserasian" YB KJ dengan KBS.

YB KJ mempunyai "satu penggal penuh" sebagai Menteri KBS. Dalam tempoh 5 tahun itu, sudah pastilah beliau mampu menyusun dan membuat perencanaan yang lebih menyeluruh. Hari ini pun usaha beliau seperti Dasar Belia Malaysia 2015-2035 masih lagi relevan. Kalaupun ada penambahbaikan, ia masih diterasi oleh niat dan keinginan asal yang serupa. Sudah pasti, YB KJ mendapat sokongan dan dokongan penuh oleh pimpinan Kerajaan dan parti ketika itu. Inilah "kunci" kepada kejayaan beliau, dan saya secara peribadi menganggapnya sebagai cabaran dalam melaksanakan tugas pada ketika ini, insyaAllah.





# Dr. Fathul Bari

**3 RANGKAIAN :**  
**TAWAKAL, BERAKAL & BERSYARIAT**  
**DALAM MENDEPANI “THE NEW NORM”**



# PERSPEKTIF

Oleh: Editor | [pumasmagazine@aol.com](mailto:pumasmagazine@aol.com)

Perspektif Pena PUMAS membawa seorang ilmuwan agama, pensyarah dan pendakwah terkenal, YBhg. Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahya mengupas tentang isu nasional terkait soal ibadah umat Islam di Malaysia sewaktu pandemik COVID-19 serta kontroversi yang dicetuskan oleh pihak tertentu terhadap Menteri Agama, dirinya dan beberapa yang lain.

Dr Fathul Bari juga adalah seorang tokoh politik dan menjawat jawatan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kangar, Ketua Penerangan UMNO Negeri Perlis dan juga merupakan Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia.



## PRINSIP TAWAKAL

Saya tertarik penjelasan sarjana Islam tersohor Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah rahimahullah perihal prinsip tawakal; beliau berkata:

"Oleh kerana itu, sebahagian ulamak berpendapat bahawa sikap hanya bersandar kepada sebab (berlakunya sesuatu) semata-mata, itu adalah syirik (yang bertentangan) dengan tauhid. Demikian juga sikap mengabaikan terus sebab (berlakunya sesuatu) itu, menunjukkan kurangnya akal. Dan sikap tidak mahu berusaha sama sekali, itu menunjukkan celaan terhadap syariat kerana syariat memerintah untuk berusaha. Dan tawakal yang diperintah Allah itu terkumpul padanya nilai-nilai tauhid, akal, dan syariat." (*Amraadhu Quluub*, hal. 52)

Ibnu Taimiyyah rahimahullah mengisyaratkan tawakal perlu disusuli dengan kebijaksanaan akal, tindakan dan usaha yang menepati syariat. Orang yang bertawakal tanpa berusaha, bererti dia tidak menggunakan akalnya dengan sebaik-baiknya. Dia ingin berjaya, tetapi tidak mahu berfikir dan merancang. Atau dia ingin kaya raya, tetapi tidak mahu bekerja.

Demikian sikap yang perlu kita ambil dalam mendepani "the new norm" gaya hidup baru sempena COVID-19 yang perlu diterapkan padanya nilai-nilai disiplin yang tinggi serta kerjasama erat dengan pemerintah untuk melandaikan lengkung (flattening the curve) dan memulihkan keadaan sepenuhnya, inshaAllah.

"Lockdown/MCO", "social distancing", "jarak 1 meter", "kuarantin", "physical distancing", "facemask", "3ply", "N95", "hand sanitizer" dan lain-lain merupakan perkatan-perkataan yang popular sepanjang tempoh penularan dan pengawalan wabak COVID-19, di mana kesemuanya merupakan manifestasi dari salah satu prinsip maqasid al-Syariah iaitu "*Hifzu la-Nafs*" yang bermaksud penjagaan nyawa.

## UMAR AL-KHATTAB KUATKUASAKAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) ?

Umar Al-Khattab pernah menempelak Abu 'Ubaidah Al-Jarrah apabila beliau mempersoalkan tindakan Umar yang membatalkan hasratnya menziarahi Syam kerana tersebutnya wabak taun dan mengaitkan tindakan itu seperti lari dari takdir Allah. Kata Abu 'Ubaidah Al-Jarrah:

"Wahai Amirul Mukminin, Mengapakah kamu lari dari takdir Allah?"

Lalu Umar *radhiyallaahu 'anhu* memberikan jawapan dengan penuh hikmah lagi bijaksana:

"Aku berharap bukan kamu yang mengucapkan sedemikian, wahai Abu Ubaidah. Ya, benar, kami sedang lari dari takdir Allah dan menuju takdir Allah yang lain. Seandainya kamu memiliki unta, kemudian ada dua kawasan yang subur dan yang kering. Bukankah ketika kamu mendorong unta kamu ke lembah yang kering itu adalah takdir Allah, dan jika kamu memindahkan unta tersebut ke lembah yang subur, itu juga takdir Allah?!"

Contoh yang lain; konsep "*social distancing*" juga telah diterapkan oleh Gabenor Syam 'Amr bin Al-'Ash *radhiyallaahu 'anhu* ketika wabak taun merebak di Syam sehingga para sejarawan Islam mencatatkan jumlah kematian sekitar 25,000 hingga 30,000. Bahkan dua gabenor sebelumnya, Abu 'Ubaidah bin Al-Jarrah dan Mu'az bin Jabal *radhiyallaahu 'anhuma* turut meninggal dunia akibat wabak tersebut. Berbekalkan tawakal, 'Amr bin Al-'Ash bertindak mengarahkan rakyatnya dengan berkata:

"Wahai manusia, sesungguhnya wabak ini terjadi seperti api yang menyala (semakin dasyat jika bahan bakarnya banyak dan terkumpul), hendaklah kalian tinggalkan tempat-tempat kalian dan mencari tempat tinggal di gunung-gunung." (*riwayat Ahmad no: 1697*)

Dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda:

"Janganlah mengumpulkan unta yang sakit dengan unta yang sihat (di satu tempat)." (*riwayat al-Bukhari no: 5774 & Muslim no: 2221*)

Maka tawakal merupakan satu pendirian yang terikat dengan tindakan yang bijaksana. Dan dalam konteks arahan mematuhi SOP PKP hari ini, kita tidak perlu merasa satu keberatan dan keraguan kerana ianya menepati tuntutan agama.



## PENGALAMAN DI AWAL PKP

Di awal perintah kawalan pergerakan baru-baru ini saya dan rakan-rakan dijemput oleh YB Menteri Agama Datuk Dr Zulkifli Al-Bakri untuk membincangkan rancangan besar beliau untuk menterjemahkan Kutub Sittah (Shahih Al-Bukhari, Shahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Al-Tirmidzi, Sunan Al-Nasai'e dan Sunan Ibnu Majah). Setelah menerima surat jemputan untuk kami tunjukkan kepada penguatkuasa yang bertugas di semua sekat-jalan raya, kami tiba di pejabat YB Menteri dengan selamat. Berbekalkan hand sanitizer dan face mask, kami disambut dengan baik oleh petugas-petugas di JAKIM serta pegawai-pegawai kanan YB Menteri. Setelah diperiksa suhu badan, kami naik ke tingkat pejabat dan menunggu giliran untuk bertemu YB Menteri. Kami mendapati YB Marzuq, Timbalan Menteri Agama turut berada di bilik menunggu beserta beberapa tetamu-tetamu yang lain.

Kemudian YB Menteri keluar menjemput kami ke bilik beliau. Alhamdulillah kami menjaga penjarakkan sosial. Namun, oleh kerana YB Menteri seorang yang sopan susun atur perkataannya dan perlahan suaranya, menyebabkan "jarak" menjadi penghalang komunikasi kami. Kami dijemput ke meja mesyuarat di sebelah dan masing-masing cuba menjarakkan kerusi antara satu dengan yang lain supaya menepati arahan SOP PKP.

Walaubagaimana pun, mungkin ada ketika kami agak dekat kerana khusuk mendengar pandangan-pandangan YB Menteri. Beliau YB Menteri mengarahkan kami supaya menyelesaikan deraf pertama terjemahan Kutub Sittah dalam tempoh sebulan. 16,640 mukasurat yang perlu kami hadap. Untuk itu, kami telah menghubungi dan mengumpulkan hampir 200 penterjemah demi khidmat kepada kitab-kitab hadis yang agung ini. YB Menteri mungkin memiliki alasan tersendiri kenapa perlu disegerakan usaha ini. Secara kebetulan, ketika PKP para ustaz dan pensyarah universiti memiliki ruang waktu yang cukup untuk berkarya. Atas dasar itu, kami juga setuju bersegera mengadakan pertemuan dengan YB Menteri.

## PERTUBUHAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH MALAYSIA (ASWAJA) MILIK SIAPA?

Saya maklum baru-baru ini ada pertuduhan yang amat tidak wajar kepada YB Menteri Agama termasuk diri saya dan sahabat yang hadir pada perjumpaan saya kisahkan di atas.

Tetapi dakwaan Presiden Aswaja Ustaz Zamihan pada saya ada motif lain. Beliau acap kali mencari-cari kelemahan YB Menteri sejak beliau menjawat jawatan Mufti Wilayah. Tuduhan "wahabi", adalah zikir murahan yang tidak berkesudahan oleh 'lebai aswaja' ini. Mewujudkan satu kumpulan atau NGO atas nama Ahli Sunnah Wal Jamaah; janganlah menjadikan saudara merasakan bahawa ianya milik eksklusif saudara. Ahli Sunnah tidak perlu berdaftar dengan MyIpo (Perbadanan Harta Intelek Malaysia) dan bukan untuk di"trademark"kan, sebaliknya perkataan Ahli Sunnah membawa maksud manhaj atau cara beraqidah dan bersyariat mengikut prinsip-prinsip ahli sunnah wal jamaah.

Nasihat saya hentikan sikap merebut 'title' tersebut. Ia bukan milik kumpulan Ustaz, YB Menteri atau saya. Sebaliknya ia milik pendokong aliran Rasulullah SAW, para sahabat dan sesiapa sahaja yang mengikuti mereka. Belajarlah mengurus perbezaan dengan keterbukaan dan kematangan.

Marilah sama-sama kita "Lockdown"-kan sikap bersangka buruk, "PKP"-kan perangai yang tidak senonoh lagi kebudak-budakan. Periksa "suhu" kemarahan dan atasinya dengan kesabarhan. "Stay at home" dan ambil peluang beribadah, membaca serta membuat kajian. "Sanitize"-kan jari jemari dari menulis ucapan-ucapan fitnah dan mengeji orang lain. Manfaatkan 7 hari terakhir Ramadan ini dengan ibadah dan koreksi diri agar lebih dekat dengan Allah dan lebih disayangi makhluk-Nya.

Wallahu'lam bissawab

# METROPOLITAN

oleh: Khair Baharuddin | [khair.baharuddin@gmail.com](mailto:khair.baharuddin@gmail.com)

**DATUK AZHARI SHAARI**  
Ketua UMNO Bahagian Shah Alam

# SHAH ALAM KOTA SEPI

Bila sebut Sungai Renggam mungkin ada yang bingung. Tidak kurang yang tersasul samakan Sungai Renggam dengan Simpang Renggam, Johor. Tapi bila disebut Batu Tiga, sedikit jelas bahawa ia adalah sebahagian dari Shah Alam dan terkenal dengan plaza tol di tengah-tengah laluan Persekutuan menghubungkan Petaling Jaya dan Klang satu ketika dahulu. Hari ini plaza tol tersebut sudah dihapuskan.

Tidak ramai tahu bahawa Shah Alam asalnya hanyalah sebahagian dari Sungai Renggam dan Batu Tiga. Hinggalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadi satu negeri baharu maka Shah Alam bertukar menjadi ibu negeri Selangor Darul Ehsan. Secara geografi, muka bumi Shah Alam turut melebar luas.

Mengimbas kembali pembangunan Shah Alam, Ketua UMNO Bahagian Shah Alam Datuk Azhari Shaari menjelaskan bahawa ibu negeri ini sangat terkenal satu ketika dahulu. Ia menjadi mercu tanda kemakmuran negeri Selangor Darul Ehsan.

"Saya masih ingat Shah Alam pada dekad 90-an dan awal 2000 tidak sama dengan Shah Alam hari ini. Shah Alam ketika itu sangat pesat membangun mengikut pelan dan perancangan yang disusun atur cantik sebegini rupa oleh kepimpinan terdahulu.

"Shah Alam satu ketika dahulu hanyalah kawasan ladang yang mana sawit menjadi tanaman komoditi utama. Tetapi setelah ambil alih sebagai ibu negeri, Shah Alam rancak membangun secara strategik. Ia merangkumi penempatan penduduk yang disusun atur oleh PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor). Ada zon industri bagi merangsang ekonomi penduduk sekitar yang semakin ramai berhijrah. Ia juga menjadi pemangkin ekonomi negeri dan negara.

"Ada pusat pendidikan tinggi iaitu Institut Teknologi Mara (ITM) sebelum dinaiktaraf menjadi universiti khusus untuk Melayu dan bumiputera. Justeru itu, ia menjadikan Shah Alam sebagai sebuah bandar satelit dengan majoriti kaum Melayu tinggal di dalamnya ketika itu," ujar Datuk Azhari membuka bicara.

Mengakui bahawa dirinya bukanlah anak asal Shah Alam, tetapi mengikut bapanya yang berhijrah ke Shah Alam pada tahun 90-an dan sejak itu membesar sebagai "Orang Shah Alam", Azhari menjelaskan bahawa itu bukanlah perkara asing bagi kebanyakan penduduk di situ.

"Kebanyakkan penduduk Shah Alam asalnya berhijrah dari luar kerana faktor ekonomi dan pekerjaan. Sebagai contoh, oleh kerana adanya ITM (kemudian UiTM), ramai bekas penuntut selesa untuk mencari rumah di sini setelah tamat pengajian. Ini kerana peluang pekerjaan terutama sektor industri yang terbentang luas di sini."

"Kilang Proton adalah yang paling terkenal waktu itu. Ada banyak lagi industri yang jadi punca mata pencarian atau rezeki di sini. Semenjak itu, ramai lagi berhijrah ke Shah Alam dan menjadi sebahagian dari 700 ribu warga Shah Alam hari ini."

"Saya sendiri menyaksikan perubahan Shah Alam yang sebeginu rupa. Sebab itu Shah Alam ini bukan sekadar dekat di hati bahkan menjadi tanah yang dipijak dan langitnya saya junjung. Setiap perkara yang berlaku di sekitar bandaraya ini akan mudah menyentuh hati saya," tegas Azhari.

Menyelongkari pemikiran Datuk Azhari dengan keadaan semasa Shah Alam, beliau berpendapat bahawa Shah Alam kini bukan lagi seperti dahulu.

"Saya terbaca satu rencana dalam media online, Free Malaysia Today awal bulan Januari lalu tentang bandaraya Shah Alam yang menjadi 'bandar hantu'. Sedikit sebanyak saya bersetuju dengan rencana tersebut."

"Siapa yang membesar di Shah Alam seperti saya akan dapat lihat perbezaan Shah Alam dulu dan sekarang. Shah Alam yang beginu gah satu ketika dahulu seolah-olah hilang kemahsyurannya," cetus Azhari.

Azhari menegaskan bahawa punca utama hal ini berlaku adalah kerana kegagalan kerajaan negeri merencanakan perancangan jangka masa pendek dan panjang yang baik untuk Shah Alam. Fungsi yang sewajarnya dimainkan oleh perancang utama seperti PKNS satu ketika dahulu telah hilang



sifatnya dan berganti dengan syarikat swasta yang hanya mengutamakan keuntungan semata berbanding perancangan strategik yang boleh memberi faedah kepada semua pihak termasuk warga penduduk.

"Siapa pun boleh fikir bahawa (syarikat) swasta hanya berorientasikan keuntungan semata. Maka terbinalah begitu banyak perumahan tetapi hanya 'mampu tengok' berbanding mampu milik."

"Bangunan komersil pun banyak terbangun tetapi tiada peniaga yang mampu mengisi ruang perniagaan tersebut. Akhirnya mereka memilih Kompleks PKNS kembali kerana lebih murah dan lebih dekat di hati warga bandaraya ini untuk datang membeli belah terutama waktu-waktu perayaan seperti sekarang," katanya.

Azhari menambah, pendapatnya itu bukan hanya pemikiran beliau sebagai seorang ahli politik semata tetapi dikuatkan dengan hujah pakar hartanah seperti Esrnest Chong, Property Guru dan lain-lain.

Azhari mahu kerajaan negeri memperkasakan semula syarikat-syarikat terkait kerajaan negeri seperti Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) yang lebih mengutamakan pembangunan strategik untuk semua pihak berbanding keuntungan semata-mata.

"Plaza Perangsang adalah bangunan terbiar yang sepatutnya menjadi mercu tanda. Ya, kita boleh tambah property (hartanah) lain seperti Wisma Azalea dan Naza Tower tetapi bangunan-bangunan lama termasuk Plaza Alam Sentral mesti dihidupkan kembali. Kerajaan negeri patut sedar ini. Ini adalah center (pusat) bandaraya Shah Alam dan ia tidak patut dibiarkan mati," kata Azhari yang turut kesal dengan kegagalan Ahli Parlimen Shah Alam yang memainkan peranan utama menjaga bandaraya ini.

Dalam kemelut negara menghadapi krisis COVID-19, Azhari seterusnya berkata bahawa terdapat ruang dan peluang yang boleh diintai bagi kembalikan pusat bandaraya Shah Alam sebagai pusat komersil moden.

"Sudah lama saya mengkaji sistem perniagaan bersifat digital. Apabila krisis COVID-19 berlaku saya fikir dunia perniagaan bakal berubah sama sekali. Shah Alam punyai potensi besar menjadi sebuah pusat perniagaan berorientasikan digital yang serba moden sesuai dengan sifat bandaraya ini sebagai pusat pentadbiran kerajaan negeri. Peluang yang hadir disebalik krisis ini perlu direbut segera sebelum ia diceduk oleh pihak korporat lain lantas merealisasikan idea ini di tempat-tempat lain. Pemain dan pelabur business (peniaga) digital perlu dipanggil bagi melangsungkan idea ini," tegas Azhari.

Akhir sekali, Azhari menasihatkan seluruh warga Shah Alam agar bersabar dengan kemelut COVID-19 yang meresahkan bukan hanya lebih 32 juta rakyat Malaysia tetapi seluruh dunia.

"Saya pun rindukan Shah Alam pra COVID-19 terutama dalam bulan Ramadan seperti ini. (Saya) rindukan aktiviti di masjid negeri, rindukan pasar-pasar atau bazar Ramadan yang menawarkan berbagai juadah untuk berbuka seterusnya memberi kesan ekonomi penduduk. Pendek kata, saya rindukan Shah Alam yang dahulu sebelum semua perkara luar biasa ini berlaku."

"Saya tahu ramai mula membiasakan diri dengan 'norma baru' atau new normal, tetapi bagi saya keadaan sekarang adalah sangat luar biasa dan mahu kembalikan kebiasaan yang dahulu. Sebab itu menjadi tanggungjawab kita untuk sama-sama lawan COVID-19 ini. Putuskan rantaian virus ini."

"Semoga kita menang dalam peperangan ini dan kembalikan kemahsyuran kota Shah Alam," kata Azhari menamatkan diskusi segmen Metropolitan kali ini.



# SANA SINI

Ruangan Sana Sini membawa pembaca ke satu daerah dalam negeri Selangor iaitu Kuala Langat.

Statistik tahun 2016 oleh Majlis Daerah Kuala Langat menunjukkan angka 289,508 populasi penduduk. Dengan kadar kenaikan 3 peratus setiap 3 tahun dijangka bahawa jumlah penduduk terkini adalah sekitar 300 ribu orang.

Bersama Pena PUMAS bagi ruangan ini adalah Tuan Zurihan Yusop, Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat yang mengambil teraju kepimpinan dari Datuk Sulaiman Karli pada tahun 2018.

Sebagai satu daerah pinggiran bandar, Kuala Langat pesat membangun dan pentadbiran Majlis Daerah Kuala Langat turut dinaiktaraf menjadi Majlis Perbandaran pada perisytiharan kerajaan negeri, 1 Mac lalu.

Menjadi sebuah daerah berstatus perbandaran berakibat pemajuan perumahan yang pesat terutama sekitar Bandar Bestari Canary Garden, Bandar Saujana Putra, Rembayu, Gamuda Cove dan lain-lain mewujudkan satu dilema kepada rata-rata penduduk daerah ini yang sudah sebat dengan kesederhanaan dan semangat 'kekampungan' yang tinggi.

Cabarani ini digalas baik oleh Zurihan Yusop yang dikenali penduduk setempat sebagai pemimpin berjiwa dan dekat di hati rakyat.

oleh: Khairid Baharuddin | khairid.baharuddin@gmail.com



**Tuan Zurihan Yusop**  
**Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat**



## Sambutan Ulang Tahun 74

UMNO kekal utuh dan relevan buat rakyat Malaysia dan sudah menyambut ulang tahun yang ke 74. Alhamdulillah. Sambutan daripada peringkat Bahagian dan Nasional dilaksanakan dengan suasana mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang menuntut 'Standard Of Procedure'. Tidak ada sebarang perhimpuan tahun ini namun meyelami dan menjawai perjuangan UMNO tetap disemat di dalam hati. Ulang tahun kali ini lebih bersinar apabila pemerintahan Pakatan Harapan telah berakhir dan beberapa MP UMNO dipilih untuk sama-sama menerajui Kerajaan Perikatan Nasional. Ini adalah kebangkitan.



## Harapan buat Ahli UMNO

Ahli UMNO perlu terus melangkah dengan norma baru yang lebih mendakap keyakinan rakyat khususnya orang Melayu. Perlu terus diyakini sebagai parti wadah perjuangan orang Melayu dan rakyat Malaysia itu sendiri. Meneruskan matlamat penubuhan dan perjuangan asal dan tidak mengulangi kekhilafan terdahulu. Kita perlu terus yakin dengan UMNO dan menjadi pendokong yang cakna dengan isu politik semasa.

## Norma Baharu

Norma Baharu ini sedang menjadi amalan seluruh penduduk dunia. Di Malaysia ketetapan 3 asas pencegahan iaitu memakai pelitup muka, memakai 'hand sanitizer' dan jarak 1 meter dengan individu lain perlu dipatuhi. Ya, saya akui norma baharu ini kelihatan sukar namun dari sehari ke sehari rakyat Malaysia dilihat sudah biasa dan terdidik secara tidak sedar dengan kehidupan cara baru ini. Apa yang saya lihat rakyat sudah mengambil berat banyak aspek kesihatan dan kesihatan kendiri serta mengambil langkah bersosial yang penuh hati-hati. Semoga Malaysia akan bebas daripada COVID-19 dan kehidupan kita semua kembali seperti sediakala.



## Ramadan & Aidilfitri 2020.

Saya mengambil kesempatan daripada UMNO Bahagian Kuala Langat untuk mengucapkan Selamat Berpuasa dan Salam Aidilfitri buat seluruh umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia yang sedang sama-sama berperang dengan virus COVID-19. Sudah tentu Ramadan kali ini sangat berbeza dengan pematuhan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang telah ditetapkan. Syukur kepada Allah kerana walau dalam situasi sebegini, dapat kita menjalani ibadah puasa dengan penuh istiqamah dan muhasabah diri. Pesan saya berjimatlah ketika berbelanja untuk Ramadan dan Syawal nanti.

# KOLU MNIS





# KELANGSUNGAN PARTI UMNO PASCA COVID-19

Oleh: Dr Novandri Hasan Basri

[drnovandrihasan@yahoo.com](mailto:drnovandrihasan@yahoo.com)

Ulang tahun UMNO ke-73 dan ke-74 jatuh pada bulan Ramadan Al-Mubarak. Tapi cara sambutannya berbeza hanya kerana patogen yang berbentuk mahkota (crown) dan hanya boleh dilihat dengan mikroskop elektron. Patogen ini juga dikatakan berasal daripada tenggiling dan kelawar.

Pada tahun 2019, ulang tahun UMNO ke-73 berlangsung pada hari ke-5 bulan Ramadan dan tahun ke-2 sebagai parti pembangkang. Majlis diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dihadiri lebih daripada 2,000 ahli parti. Majlis diisi dengan bacaan doa, nyanyian lagu UMNO, ucapan pemimpin UMNO, iftar, solat Maghrib, solat hajat, bacaan Yassin, tahlil, solat Isyak dan solat Terawih. Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi UMNO di adakan di sebelah petang dan turut diisi dengan program sayap-sayap UMNO.

Pada tahun 2020, ulang tahun UMNO ke-74 disambut pada hari ke-18 bulan Ramadan dan UMNO kembali sebagai parti pemerintah. Pada tarikh 11 Mei 2020, kita juga sedang melalui Fasa ke-4 Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Memang janggal tidak ada majlis sambutan ulang tahun UMNO seperti biasa kerana segala bentuk perayaan, aktiviti masjid/surau dan perhimpunan yang melibatkan ramai orang dilarang semasa PKPB ini. Kali ini, majlis diadakan dalam talian termasuk video conferencing, ucapan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan pemimpin-pemimpin lain dalam media sosial dan juga media perdana. Ini bukan norma baharu tapi hanya sementara dan majlis sambutan seperti biasa boleh diadakan semula selepas PKP ini, jika perlu.

Yang penting ialah pengisianya pada hari 11 Mei itu. Selain daripada mengimbas kembali sejarah parti UMNO dan menginsafi diri kerana kalah pada PRU-14, ahli-ahli terutama kepimpinan UMNO perlu memikirkan kelangsungan parti di masa hadapan.

Pasca-Covid 19 akan mengundang politiking tahap maksima oleh DAP-PH. Apatah lagi, kerajaan PN akan berdepan dengan sidang parliment yang mungkin digunakan untuk menganggu gugat kesahihan kerajaan PN. Sekarang pun kita boleh baca muslihat DAP-PH yang amat beria-ia memaksa sidang parliment diadakan lebih lama walau pun dalam tempoh PKP ini.

Kita tahu keghairahan DAP-PH itu bukannya mahu sangat berbincang tentang permasalahan rakyat tapi hanya satu iaitu untuk menjatuhkan kerajaan PN.

Seperkara lagi, sebelum ini ramai yang persoalkan kedudukan UMNO yang didakwa 'hanya diberikan portfolio tidak penting' dalam kabinet pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Dakwaan itu ternyata tidak benar.

Selain daripada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, kerajaan dan kabinet sekarang majoritinya berkisar tentang menteri-menteri UMNO dan kementerian mereka. Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Datuk Seri Adham Baba, Tan Sri Annuar Musa, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, Datuk Seri Reezal Merican, Khairy Jamaluddin dan Dato' Dr Noraini Ahmad yang berjawatan Menteri dalam kerajaan adalah pemimpin-pemimpin UMNO yang menonjol kerana kerja mereka semasa wabak ini. Mereka dapat menjalankan tugas masing-masing dengan baik.

Z  
O  
N  
U  
T  
A  
R  
A



Apa pun, Perintah Kawalan Pergerakan akan berakhir juga. Penyakit itu masih ada tapi bilangan yang dijangkiti virus itu kecil, terkawal dan tidak lagi membebankan fasiliti kesihatan di seluruh dunia. Ubat-ubatan anti-virus untuk merawat akan dikenal pasti dan vaksin sebagai pencegahan akan ditemui walau pun mengambil masa.

Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat" (hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim). Rasulullah SAW juga telah bersabda bermaksud: "Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya" (hadis riwayat Imam Muslim). Jelas bahwa langkah-langkah pencegahan adalah mandatori untuk memastikan wabak tidak menular.

Sejarah juga telah membuktikan bahwa manusia akan meneruskan kehidupan mereka walau pun berdepan dengan pandemik penyakit. "The Black Death" atau "Bubonic Plague", pandemik yang paling teruk dalam sejarah manusia dan membunuh 50 – 75 juta orang. Manusia belajar tentang penyebarannya dan melakukan pengubahsuaian seperti kuarantin dan penggunaan antibiotik untuk membendung wabak itu. Apabila 74.9 juta orang dijangkiti virus HIV dan 32 juta mati disebabkan virus itu, kita manusia juga belajar tentang virus itu dan melakukan pengubahsuaian untuk mengurangkan penularannya.

Pokoknya, kita akan meneruskan kehidupan semula seperti sebelum ini tapi dengan beberapa pengubahsuaian atau norma baru.

Dan di sepanjang tempoh wabak Covid-19 dan PKP, kita telah dibiasakan dengan beberapa cara hidup yang akan menjadi norma baru pasca-Covid19.

Memakai pelitup muka bukan norma baru dan hanya berbentuk sementara tapi yang jelas ialah penggunaan platform jualan on-line yang semakin bertambah dan diminati oleh rakyat untuk membeli makanan, barang dan keperluan harian. Di sebabkan ini juga, lebih ramai peniaga baru muncul mencari rezeki on-line dan peniaga-peniaga tempatan lebih aktif menggunakan media sosial untuk mempromosikan produk masing-masing.

Norma baharu perniagaan on-line ini mengingatkan kita kepada idea pada tahun 2015 yang menggalakkan rakyat untuk memulakan perniagaan on-line untuk mendapatkan pendapatan tambahan. Ketika itu, Puak pembangkang yang paling lantang mengkritik dan menolak kononnya idea itu keterlaluan dan membebani rakyat. Datuk Seri Ahmad Maslan menjadi mangsa mereka dan netizen pro-pembangkang. Sekarang, mereka ternyata silap, malu besar dan terpaksa jilat ludah sendiri.

Kita perlu faham bahwa kerajaan sedang mengimbangi antara tanggungjawab menjaga kesihatan rakyat dan mengelak keruntuhan ekonomi. Negara mengalami kerugian RM2.4 bilion setiap hari sepanjang pelaksanaan PKP. Kerugian yang dialami kerajaan sejak 18 Mac – 1 Mei adalah sebanyak RM63 bilion. Jika PKP disambung untuk sebulan lagi, total kerugian yang akan dialami adalah sebanyak RM98 bilion! Nilai-nilai ini sangat besar dan melibatkan seluruh dunia.

Media melaporkan pertumbuhan ekonomi rantau Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang merangkumi Malaysia dijangka menguncup, kejatuhan paling besar sejak mencatatkan kadar pertumbuhan hampir sifar pada 2009 ketika krisis kewangan global. (2.7 peratus pada 2020, berbanding 3.6 peratus pada 2019). Jangkaan kerugian output AS\$2.1 trillion (RM9.21 trillion) dan jangkaan 23 juta orang hilang pekerjaan pada 2020.

Pasca Covid-19 menuntut kerajaan merangka pelan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang yang menyeluruh serta inisiatif pakej rangsangan ekonomi untuk merancakkan semula pertumbuhan ekonomi. Perkara ini sangat perlu untuk mendapatkan keyakinan rakyat dan pelabur untuk menjana semula ekonomi negara.

Kita berdoa kepada Allah SWT agar segala usaha kita dipermudahkan.

Kolumnis merupakan mantan Pengurus Biro Media Sosial Negeri Pulau Pinang dan seorang pengamal perubatan dan penulis bebas prominen





# MENDEPANI “NORMAL BARU”

Oleh: Mohamad Fakhzan Bin Md Noor

[mohamadfakhzan@gmail.com](mailto:mohamadfakhzan@gmail.com)

6 atau 7 minggu lepas, tiada siapa dapat menjangka bahawa Covid 19 bakal mengubah hidup warga global 360 darjah. Kini, di rumah: sekadar terkurung, sekeluarga menghadap skrin komputer melaksanakan rutin harian. Di luar rumah: hak asasi kebebasan bergerak dihadkan oleh perintah kawalan pergerakan, mengamalkan penjarakkan sosial, bertopeng muka, suhu diambil sebelum memasuki premis dan menggunakan “hand sanitizer”. Ini menjadi “normal baru” atau “new normal” antaranya.

“Normal baru” ini memberi impak besar terhadap politik-pentadbiran, aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial seharian. Ekonomi global dijangka bakal menghadapi kemelesetan dan di Amerika Syarikat dijangkakan 47 juta pekerjaan bakal lenyap.

Ramadan tahun ini akan dilalui dengan “normal baru” tanpa tarawih berjemaah dan bazar Ramadan. Menjangkakan kemelesetan, rakyat mungkin terpaksa berhemat, dan tarbiyahnya, supaya menghayati Ramadan dan merayakan Syawal secara sederhana. Syawal juga akan hilang *ethos* dan tradisi bersalaman, kunjungan takbir raya dan kemuncak epik solat Hari Raya Aidil Fitri.

Pendek kata 2020 penuh dengan ketidaktentuan dan ketidakjangkaan.

Persoalannya, adakah apa yang sedang dihadapi ini adalah “normal baru” yang hanya tiba-tiba muncul? Atau Covid-19 sekadar pemangkin yang mempercepatkan proses dinamik “normal baru” yang hakikatnya sudah bermula lama dulu.

Dinamiknya peradaban manusia yang sentiasa berubah dan semakin maju sebagaimana naratifnya direkodkan oleh Yuval

Noah Harari dalam *“Sapiens: A Brief History of Humankind”* (2014). Evolusi peradaban manusia berlaku secara berperingkat-peringkat dan peralihan-dari satu fasa ke satu fasa akan menemukan “normal baru” pada tiap transisinya.

Ramai penulis sejak beberapa dekad lepas membincangkan tentang keadaan dunia masa hadapan dan kitaran “normal baru” ini seperti Joseph Schumpeter, Alvin Toffler, John Naisbitt, Thomas L Friedman, Ziauddin Sardar dan David Houle (sekadar menyebut beberapa nama).

Joseph Schumpeter adalah seorang sarjana ekonomi Amerika-Austria dan juga ahli politik. Pernah menjadi Menteri Kewangan Austria pada tahun 1919. Schumpeter mempopularkan istilah “kemusnahan kreatif” atau “creative destruction” dalam ekonomi (hampir dengan “disruptive technologies” yang membentuk “normal baru” 15 tahun kebelakangan ini). Scumpeter merumuskan “creative destruction” sebagai “proses mutasi industri yang tanpa henti merevolusikan struktur ekonomi dari dalam, terus-menerus memusnahkan yang lama, tanpa henti mencipta yang baru”.

Alvin Toffler, dalam *“The Third Wave”* pada tahun 1980, telah menjangka kehadiran “normal baru”. Dinyatakan bahawa terdapat 3 gelombang revolusi- pertama: revolusi pertanian (neolitik), kedua: revolusi industri dan ketiga: revolusi pasca industri iaitu gelombang ketiga era maklumat (era digital), dan kini kita berada dalam era revolusi industri ke-4 (IR4.0), yakni era automasi, kepintaran buatan ringkasnya.

Para sarjana juga cuba memahami “normal baru” dalam konteks antarabangsa, di mana Kenichi Ohmae, menghasilkan *“The Borderless World”* (1990), telah menambah kosa



kata "dunia tanpa sempadan" dan "globalisasi".

Naratif globalisasi dan "normal baru" abad ke-21 ini diteruskan dalam *"The Lexus and the Olive Tree: Understanding Globalization"* (1999) oleh Thomas L. Friedman yang cuba melakar proses globalisasi di penghujung dekad 90an. "Idea Besar" terdapat di halaman 223 di mana Friedman menjelaskan bahawa, "jika anda tidak dapat melihat dunia, dan anda tidak dapat melihat interaksi yang membentuk dunia, anda pasti tidak dapat menyusun strategi mengenai dunia".

Friedman juga merumuskan bahawa "Internet merubah senario ekonomi selama-lamanya", hujah Friedman scenario ini disumbangkan oleh kepesatan teknologi cip mikro. Pada 1965, pakar Intel merumuskan *"Moore's law"* yakni keadaan apabila setiap 2 tahun kepadatan transistor/ (cip mikro) meningkat berkali kali ganda secara eksponen. Hasilnya peralatan elektronik makin kecil, padat, laju dan murah.

Pada tahun 2005, Friedman menerusi *"The World Is Flat: A Brief History of the Twenty-first Century"* merungkai proses globalisasi dan "normal baru" alaf ini. Friedman berpandangan bahawa dunia menjadi seolah "rata" tanpa sekatan lantaran kepesatan rangkaian komputer yang mempunyai akses internet dan perisian yang canggih dan mengistilahkan tempoh ini sebagai fasa "Globalisasi 3.0", di mana beliau membezakan proses sebelumnya, "Globalisasi 1.0", di mana negara dan pemerintah menjadi protagonis utama, dan "Globalisasi 2.0", di mana syarikat multinasional menerajui dan mendorong integrasi global.

Friedman kembali pada 2016 dengan *"Thank you for Being Late: an Optimist's Guide to Thriving in the Age of Accelerations"*. Tesisnya: untuk memahami abad ke-21, perlu memahami tiga elemen utama – *"Moore's law"* (teknologi), pasaran (globalisasi), dan alam sekitar (perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti) – ketiga-tiga elemen ini bergerak bersekali dan pantas. Pergerakan ini mengubah lima perkara: tempat (cara kerja), politik, geopolitik, etika, dan masyarakat.

Menurut Friedman, tahun 2007 adalah titik perubahan besar: iPhone dilancarkan, bersama dengan kemajuan dalam cip silikon, perisian, penyimpanan data, sensor, dan rangkaian internet. Ini membentuk platform teknologi baru yang membentuk semula segala sesuatu (boleh dikatakan *"new normal"*) dari bagaimana kita mendapatkan perkhidmatan teks atau

e-hailing hingga cara kita berhubung dengan hanya satu sentuhan. Senario ini membuka peluang baru yang besar bagi individu dan kumpulan kecil untuk menyelamatkan dunia — atau untuk menghancurnannya (apabila ledakan aplikasi atau perisian telefon bimbit dibangunkan oleh individu dan *start up* bukan lagi dominasi teknologi oleh syarikat gergasi multinasional).

Menyorot hujah Friedman bahawa tahun 2007 adalah titik perubahan besar, tarikh-tarikh berikut signifikan: iPhone dilancarkan pada 9 Januari 2007. 3 bulan sebelum itu lebih tepat, 26 September 2006, Facebook dilancarkan. Tahun 2007 juga Twitter mula popular. Google membeli Youtube pada penghujung 2006 dan melancarkan Android pada 2007. Pada 2007 juga, Android mula menjadi platform alternatif telefon pintar selain iOS.

Menyorot "normal baru" ini ada kaitannya dengan VUCA. Pada keluaran lalu penulis telah menjelaskan berkenaan hakikat bahawa kita kini berada dalam zaman VUCA. VUCA adalah akronim untuk *"Volatility"*, *"Uncertainty"*, *"Complexity"* dan *"Ambiguity"*. Maka untuk mendepani VUCA dan "normal baru" harus punya upaya dan faham akan DAMO – *"Discovery"*, *"Adventure"*, *"Momentum"*, *"Outlook"*.

Dalam menghadapi "normal baru", perlu difahami ia adalah proses yang berterusan tidak perlu panik. Saranan Friedman: perlu memahami tiga kekuatan utama – *"Moore's law"* (teknologi), pasaran (globalisasi), dan alam sekitar (perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti).

Hakikat harus diterima bahawa "normal baru" muncul dalam fasa transisi evolusi peradaban manusia, namun Covid-19 mempercepat proses ini dengan drastik sebagai pemangkin.

Mungkin juga selepas ini penanda masa sejarah manusia yang dirujuk sebagai masih ("M") dan sebelum masih ("SM") akan ditukar sebagai zaman "normal" sebelum covid-19 ("SC") dan zaman "new normal" pasca Covid-19 ("C").

Kolumnis adalah Naib Ketua UMNO Bahagian Damansara dan seorang pengamal undang-undang dalam firma Fakhzan Azlina & Associates



# RAMADAN DI MUSIM “KEMARAU”

Oleh: Irfan Zamri

[irfanzamri.parlimenbelia@gmail.com](mailto:irfanzamri.parlimenbelia@gmail.com)

Rakyat Malaysia mula menghela nafas panjang. Paparan di wajah mereka mula menampakkan riaksi muka masam mencuka. Keluhan mereka bertali arus. Sumber pendapatan mereka sudah terbantut. Tidur mereka tidak lagi lena seperti dahulu. Fikiran mereka menerawang memirikan cara menambah sumber pendapatan baharu dari rumah. Wang simpanan sudah tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan diri dan keluarga. Ada yang sudah mula meminjam dari sahabat dan saudara-mara.

Wakil rakyat dan pihak NGO pula terus bergerak menghulur bantuan. Para pejuang barisan hadapan masih bertungkus lumus menyelamatkan keadaan. Tubuh kekar mereka sudah mula menampakkan keletihan. Walau-bagaimanapun, tugas mereka tidak boleh berhenti separuh jalan. Perjuangan tetap perlu diteruskan. Kesihatan dan keselamatan rakyat perlu diutamakan.

Sebahagian besar rakyat Malaysia meyakini bahawa perperangan menentang Covid-19 akan berakhir sebaik tibanya awal Ramadan. Ternyata jangkaan itu meleset apabila YAB Tan Sri Muhyiddin Yaasin mengumumkan pelanjutan perintah kawalan pergerakan fasa keempat sehingga 12 Mei 2020. Status Covid-19 di Malaysia sudah mula menampakkan tanda-tanda kemenangan awal. Sehingga 23 April 2020, jumlah pesakit discaj seramai 3,542 orang iaitu 63.2% daripada jumlah keseluruhan kes. Jumlah kes baharu juga semakin berkurang dari hari ke hari. Malaysia menduduki tempat ke 45 dunia bagi negara-negara yang terkesan oleh pandemik Covid-19. Sudah pasti khabar gembira ini sedikit sebanyak melegakan hati rakyat Malaysia yang sudah tidak sabar untuk bekerja semula.



Ramadan kali ini akan jauh berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya. Keseronokan melakukan ibadat solat sunat tarawih di masjid dan kemeriahannya suasana di bazar Ramadan tidak dapat dirasai oleh semua. Peniaga-peniaga di bazar Ramadan tidak dapat mencari rezeki seperti kebiasaan pada tahun ini. Anak-anak di perantauan tidak dapat pulang menyambut awal Ramadan di kampung. Golongan yang paling terkesan ketika ini adalah individu yang terputus mata pencarian sepanjang PKP dilaksanakan. Sudah pasti Ramadan tahun ini bakal menjadi kemarau panjang buat kita semua.

Secara realitinya, pandemik ini bukan sekadar isu kesihatan tetapi ia juga memberi implikasi besar kepada ekonomi rakyat dan negara. Kewujudan pandemik ini secara tidak langsung telah meningkatkan kadar pengangguran di negara. Banyak industri sudah mula menggulung tikar dan menghentikan pekerja mereka sebaik sahaja PKP memasuki fasa kedua. Hal ini kerana, majikan tidak dapat menampung beban kerugian ketika perniagaan tidak dapat beroperasi selama sebulan. Bank Negara Malaysia telah menjangkakan kadar pengangguran akan meningkat daripada 3.2 peratus kepada 4 peratus pada tahun ini. Hal ini kerana ketidaktentuan ekonomi yang berpunca daripada Covid-19. Peningkatan kadar pengangguran ini akan menjelaskan hasil ekonomi individu dan keluarga.

Bagi mengatasinya, kerajaan Malaysia telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat berjumlah RM250 bilion yang akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia. Tambahan pula, kerajaan negeri juga turut mengumumkan pakej rangsangan ekonomi untuk negeri masing-masing. Negeri

Darul Iman telah menambah peruntukan sebanyak RM960,000 bagi fasa ketiga. RM29 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri Kelantan bagi membantu rakyat menangani kesan pandemic Covid-19. Kerajaan negeri Pahang dibawah pimpinan YAB Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail juga turut prihatin terhadap rakyat di negeri Pahang. Sejumlah RM3.587 juta diperuntukkan kepada 17,935 individu yang terkesan sepanjang tempoh PKP ini. Bantuan “**one off**” sebanyak RM150 dan barang bernilai RM50 akan mula diagihkan pada awal Ramadan ini. Bantuan tersebut sedikit sebanyak dapat meringankan beban rakyat yang tidak dapat meneruskan pekerjaan sepanjang tempoh PKP ini dilaksanakan.

Kerajaan negeri Pahang juga telah melancarkan ‘Pahang Mart’ bagi memudahkan urusan peniaga untuk mula bermula dalam talian di bawah Platform ‘Pahang GO’. Peniaga bazaar Raadan juga tidak lagi perlu kecewa kerana e-bazar juga dilaksanakan melalui dalam talian di beberapa buah negeri pada tahun ini. Hanya menggunakan komputer, tablet atau telefon android, perniagaan dalam talian memberikan keselesaan kepada pengguna untuk memudahkan membuat perbandingan sama ada dari segi harga, kualiti barang atau pilihan.

Persoalannya, adakah bantuan ini perlu disimpan atau dibelanjakan? Dalam keadaan yang mendesak,rata-rata rakyat Malaysia sudah tidak sabar menunggu bantuan dimasukkan ke dalam akaun peribadi mereka. Banyak perancangan yang telah disusun bagi membelanjakan wang tersebut menghadapi bulan yang mulia ini. Rakyat Malaysia dilihat banyak menghabiskan masa di gedung membeli belah dalam talian sepanjang tempoh PKP ini berjalan. Membeli belah dalam talian sangat hebat dan menyeronokkan, serta cara yang mudah untuk membeli-belah bagi pengguna yang mempunyai kekangan masa dan pergerakan. Pada saat ini kebijaksaan rakyat akan diuji samada wang tersebut dapat dibelanjakan dengan baik ataupun tidak.

Pertumbuhan ekonomi negara dijangka berkembang lebih perlahan antara 0.4 peratus hingga 2.5 peratus pada tahun ini. Bantuan Prihatin Nasional yang diberikan bertujuan untuk memastikan aliran tunai tetap berjalan dan mengelakkan penurunan mendadak ekonomi negara. Dalam erti kata lain, rakyat perlu membelanjakan wang yang diterima bagi memastikan kelangsungan ekonomi negara dalam keadaan yang tidak begitu tenat.

Walaubagaimanapun, rakyat disarankan untuk berbelanja dibawah kemampuan diri. Kita sering dengar peribahasa ‘**ukur baju di badan sendiri**’ yang membawa maksud bertindak atau berbelanja mengikut kemampuan sendiri. Berhadapan dengan kemelesetan ekonomi global memaksa rakyat untuk bertindak sebaliknya. Rakyat perlu hidup dibawah kemampuan diri agar tidak berbelanja secara berlebihan

Lebihan wang yang dibelanjakan perlulah disimpan dengan baik. Dalam mengharungi kemarau ekonomi masa kini. Tatkala berdepan dengan permasalahan kekangan tidak dapat keluar bekerja, rakyat perlu lebih bijak menguruskan wang. Simpanan wang kecemasan perlu disediakan dengan cara mengetepikan sejumlah wang bagi tempoh 3 hingga ke 6 bulan. Kita mungkin akan menghadapi kesukaran untuk menguruskan perbelanjaan harian sekiranya tidak mempunyai simpanan kecemasan.

Dalam tempoh yang mencabar ini, kita disarankan untuk “**menyediakan payung sebelum hujan**” supa kita dapat bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku. Rakyat perlu bijak menguruskan ekonomi kendiri dalam situasi kemarau ini. Rakyat perlu menyediakan simpanan wang kecemasan yang cukup dan berbelanja dibawah kemampuan bagi berdepan dengan kesuraman ekonomi kelak. Dalam masa yang sama, Pemimpin dan rakyat perlu memainkan peranan mereka sebaik mungkin untuk memastikan negara ini bebas dari pandemik bahaya ini. Kita tidak mahu virus ini terus merebak di negara kita kerana apabila “**nasi sudah menjadi bubur**” sesal kemudian hari tiada gunanya.

Kolumnis adalah Ketua Penerangan Pemuda UMNO Bahagian Kuantan, Ahli Parlimen Belia Malaysia dan seorang penggerak Mahasiswa Nasional



## PERSPEKTIF COVID-19: DARI KRISIS KEPADA PELUANG

Oleh: Noor Azleen Ambros

Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Johor

Hikmah adalah suatu bentuk pengajaran dalam gaya susunan bijaksana yang mesti dipelajari serta diamati oleh seseorang dengan peka. Hikmah antara lain membuka ruang kepada kita untuk memilih samada untuk menjadikan pengajaran daripada hikmah tersebut, sebagai satu persiapan bagi kita berdepan dengan situasi sama yang mungkin berulang.

Ataupun, hikmah atas apa yang berlaku merupakan kunci kepada pintu baharu yang memungkinkan kita meneroka peluang-peluang baharu yang akhirnya menjadikan krisis atau musibah yang sedang melanda kepada suatu keadaan yang lebih baik, bermanfaat dan berguna pada masa akan datang.

Bagi kita umat Islam pula, hikmah dari setiap apa jua yang berlaku adalah terjemahan kepada prinsip yang termaktub dalam Rukun Iman. Yang mana, salah satu daripada rukun tersebut menyeru agar kita mempercayai dengan setiap perancangan Sang Pencipta. Atau apa yang dimaksudkan dengan ketentuan qadak dan qadar.

Inilah juga adalah penzahiran sifat-sifat Allah yang bukan sahaja Maha Bijaksana, malah lagi Maha Mengetahui, selain cerminan kepada tanda-tanda kebesaran-Nya.

Apabila kita berbicara mengenai situasi semasa yang kita semua sedang lalui hari ini, pasti ada hikmah besar serta pengajaran penting yang setiap dari kita boleh pelajari dan perbaiki. Situasi yan sedang kita hadapi ini pula bukan setakat di Malaysia sahaja bahkan melanda seluruh masyarakat di dunia, sehingga kan tiada seorang pun yang terkecuali dari menerima impak serta kesannya.

Perubahan yang kita sedang lalui sejak pandemik COVID-19 ini melanda pula, sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kelaziman kehidupan sehari-hari kita. Tidak kurang juga apa yang berlaku sedang mengubah banyak rutin perjalanan serta kaedah kehidupan dan bagi sebahagian besar kita ianya merupakan satu bentuk pengalaman yang baharu.

Untuk itu, adalah wajar kita mengambil iktibar dan menjadikan setiap apa yang berlaku ini sebagai satu bentuk peluang baharu yang wajar diterima dengan hati dan pemikiran terbuka. Sebagai individu, apa yang sedang kita lalui wajar dimanfaatkan sebagai satu peluang untuk menyesuaikan diri kita dengan kelaziman-kelaziman baharu.

Jika kita seorang pekerja, krisis ini telah membuktikan bahawa dengan kemajuan teknologi komunikasi, membolehkan sebahagian daripada rutin harian kerja itu dilaksanakan secara atas talian. Dalam banyak situasi perbincangan dan banyak keputusan boleh dicapai hasil perjumpaan maya secara atas talian dari pejabat atau rumah masing-masing tanpa perlu pertemuan secara fizikal. Dan ini menyumbang kepada aspek keberkesanan dalam penggunaan sumber yang lebih efektif dan efisien, khususnya yang melibatkan masa, perbelanjaan perjalanan dan penggunaan ruang atau bilik mesyuarat serta lain-lain kos berkaitan.

Bagi kumpulan murid, pelajar atau golongan mahasiswa pula, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan lantaran krisis COVID-19 telah memaksa agar proses pengajaran dan pembelajaran serta pemantauan kerja rumah dan tugasun universiti dilakukan secara atas talian dengan memanfaatkan

pelbagai platform maya.

Bagi kerajaan dan pihak pemerintah pula, tidak kurang banyaknya pengajaran yang mereka boleh belajar dan terjemah dalam bentuk dan perubahan polisi apabila krisis ini reda nanti.

Pertama, keperluan untuk meneliti dan mengkaji semula kualiti pekerjaan dan struktur gaji yang kini ditawarkan oleh pasaran kerja di Malaysia. Lebih 90% bentuk pekerjaan yang ditawarkan dalam negara oleh industri kecil dan sederhana yang rata-rata terkesan teruk akibat krisis yang melanda. Begitu juga bagi mereka yang terlibat dengan sektor pekerjaan ekonomi baharu seperti 'gig economy'.

Untuk itu, kerajaan perlu respons dalam pembangunan semula dasar-dasar berkaitan pasaran kerja yang lebih mampan, berdaya saing. Selain itu, melalui pelbagai kaedah dan pendekatan untuk kerajaan memastikan penawaran bidang pekerjaan yang lebih menjamin nasib pekerja ketika krisis. Mungkin juga boleh difikirkan pengenalan insurans pekerjaan secara berwajib sebagai satu dasar baharu bagi setiap pekerja dalam semua sektor ekonomi.

Keduanya dari segi infrastruktur pula, khususnya berkaitan komunikasi, inilah masa terbaik untuk pihak kerajaan meletakkan kepentingan untuk meningkatkan capaian serta kualiti jalur lebar, internet dan telefon di seluruh negara. Andai kini hampir seluruh pelosok negara dihubungkan dengan jalur lebar dan capaian internet, namun yang kini menjadi isu dan cabarannya adalah tahap kestabilan dan kualiti jaringan serta capaian tersebut.

Bagi golongan pelajar di semua peringkat pula, pihak kerajaan boleh melaksanakan dasar untuk memastikan perkhidmatan internet dan jalur lebar di semua institusi berkaitan pendidikan adalah pada kadar minimum dan sangat-sangat berpatutan. Ini memandangkan ianya bukan lagi satu keistimewaan bagi kumpulan pelajar dan mahasiswa, malah menjadi satu kemestian pada mereka untuk meneruskan rutin mereka sebagai pelajar.

Ketiga, dalam aspek sains, teknologi dan inovasi pula, pandemik yang berlaku telah membuka peluang kepada kita sebagai sebuah negara untuk melihat dan menganalisa jurang (gap) kepakaran dalam beberapa bidang tujuan (*niche*) berkaitan. Ini memandangkan melalui sains dan teknologi, kita bukan sahaja mampu berdepan dengan saat-saat genting dalam krisis secara lebih sistematik, malah melalui adaptasi teknologi dan inovasi akan

memberikan kita kelebihan dalam bersaing melawan musibah.

Lebih-lebih lagi, manfaat dari pengurusan krisis melalui data, teknologi baharu, perkongsian pintar dan lain-lain arah aliran (*trend*) baharu dunia akan menjadikan negara kita lebih bersedia untuk berdepan dengan pelbagai bentuk musibah atau krisis pada masa akan datang.

Dan yang keempat dan terakhir, andai ada satu perkara yang boleh kita sebagai rakyat Malaysia banggakan sepanjang krisis ini berlangsung adalah mengenai sistem, tahap serta kualiti penjagaan kesihatan awam yang negara kita miliki.

Walaupun sebelum ini sistem penjagaan kesihatan awam negara sentiasa berdepan dengan persepsi dan tanggapan negatif dari masyarakat, namun krisis COVID-19 yang berlaku telah membuktikan sebaliknya. Jika kita bandingkan dengan waima negara maju sekalipun, sistem penjagaan kesihatan awam yang kini dimiliki negara jauh lebih baik dari mereka walaupun sedang berdepan dengan keadaan krisis.

Namun, masih ada ruang untuk kita sebagai sebuah negara meningkatkan tahap dan kualiti sistem penjagaan kesihatan awam negara dengan meningkatkan keupayaan dan kapasiti kita dalam bidang-bidang kepakaran dan tujuan berkaitan pandemik global.

Andai kalau ada satu peluang yang setiap dari antara kita pelajari sepanjang pandemik COVID-19 ini berlaku adalah tahap kesiapsagaan dan kebersediaan kita berdepan dengan banyak lagi kelaziman baharu atau 'new norm'. Ada sebahagian kelaziman tersebut sudah mula kita rasai dan praktikkan dalam tempoh (PKP) ini. Manakala, kita juga perlu bersedia untuk berdepan dengan banyak lagi bentuk serta pendekatan kelaziman baharu apabila krisis COVID-19 ini mula reda.

Hikmah tersebut merupakan pilihan bagi kita, sama ada kita mahukan kesan dari apa yang berlaku tidak berulang, atau mahu membiarkan impak menjadi lebih buruk dari apa yang kita alami buat kali pertama.

Mudah-mudahan setiap dari kita diberikan kekuatan untuk menempuh semua ini dengan hati serta pemikiran yang terbuka, sekaligus dapat memanfaatkannya sebagai satu peluang baharu yang lebih berguna pada masa akan datang, in sha Allah.



# **ANALISIS**

---

DAN

# **PANDANGAN**



# ANALISIS DAN PANDANGAN

## UMNO 74 TAHUN

oleh: Datuk Prof. Ramlah Adam Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia, UNIMAP, Perlis  
[datoramlahadam@gmail.com](mailto:datoramlahadam@gmail.com)

Umur UMNO yang dikira sangat panjang tentu-lah sangat kaya dengan pengalaman dan keunikannnya. Kejayaannya mengendalikan negara sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat memang tidak diragui lagi. Namun, kejatuhananya dalam PRU 14 lalu menyebabkan terhentinya perjalanan cerita kejayaannya itu buat sementara waktu. Bagaimanapun hampir dua tahun ketidakhadirannya sebagai kerajaan, dapat memberi perbandingan yang bagus dengan lawannya. Ramai orang mula melihat kebolehannya dan kebagusannya sebagai pentadbir negara, walaupun kejatuhan itu tetap merendahkan dan men-cacatkan martabatnya.

Apakan daya itu adalah asam garam berpolitik. Bagaimanapun kembalinya peranannya sebagai pentadbir negara walaupun bukan sebagai ketua, telah dapat menyelamatkan maruahnya dan kestabilan negara buat seketika. Keselesaan dan kejayaan UMNO selama 61 tahun sebagai ketua kerajaan tentulah berbeza dengan keadaannya sekarang, namun permainan politik yang seperti bola itu tetap singgah kepada UMNO, namun kesabaran dan ketahanan UMNO sebagai sebuah parti yang layak dan matang akan memantapkan ketahanannya sebagai sebuah parti yang matang, "tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan".

UMNO yang berusia veteran dalam politik Malaysia ini banyak keistimewaannya. Penubuhannya pada tahun 1946 sangat istimewa, UMNO adalah penyatu orang Melayu daripada seluruh pelusuk negara, dari Perlis sehingga ke Singapura, 'Perpaduan' itu juga menggabungkan tenaga daripada semua peringkat dan lapisan masyarakat. Daripada Raja-raja Melayu, golongan pembesar, Profesional ulama dan rakyat biasa. Mereka menyatukan diri bergerak menentang Malayan Union, lambang penjajahan British ke atas negeri-negeri Melayu, kecuali Melaka dan Pulau Pinang,

Sokongan 41 buah pertubuhan memutuskan penubuhannya di Kongres Melayu 1946 adalah penyatuan golongan kanan dan kiri dalam memperjuangkan nasib dan kedudukan orang Melayu dan agama Islam. Seluruh tamadun Melayu dan Islam cuba dimusnahkan dengan sekilip mata oleh British. Hal ini sangat disedari oleh datuk nenek kita, sehingga mereka sanggup bersatu menghilangkan semangat kenegerian dan taraf hidup demi sebuah perjuangan menolak penjajahan British. Tanpa tindakan mereka, UMNO hari ini tidak dapat diwariskan kepada generasi hari ini. Keistimewaan ini harus diingat sebagai tali pengikat perpaduan Melayu pada bila bila masa pun.

UMNO adalah sebuah perjuangan bangsa Melayu yang konsisten prinsipnya. Walaupun pihak kiri dan komunis menuduhnya sebagai konservatif kerana mengembalikan status quo Raja-raja Melayu dan keseluruhan taraf yang berkaitan dengannya, namun, itulah prinsip perjuangannya dalam menentang British dan pihak luar. Ini ditekankan di atas dasar Tanah Melayu adalah tanah pesaka orang Melayu yang telah dibina sejak zaman Gangga Negara dan digahkan oleh Kesultanan Melaka. Inilah teras sejarah yang dipegang oleh UMNO. Inilah yang membezakan parti-parti Melayu yang berorientasi ke Indonesia atau parti-parti asing yang berkiblat kenegara asal dan lain-lain. UMNO kekal memperjuangkan agama, bangsa dan tanah air sehingga kini.

UMNO sebenarnya telah melaksanakan satu dasar baik hati yang amat jelas dalam melahirkan kemerdekaan dan negara-bangsa Persekutuan Tanah Melayu pada 1957. Dalam melahirkan kerjasama dan perpaduan politik ini, UMNO sebagai ketua politik perdana Persekutuan Tanah Melayu, telah melonggar kan kerakyatan secara maksimum kepada kaum imigran yang bukan Rakyat British. Raja-raja Melayu telah bersetuju untuk menerima kaum imigran menjadi rakyatnya sebagai menyokong perjuangan UMNO untuk mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1957.

Hal ini adalah sesuatu yang sangat mudah berlaku, tanpa ada asimilasi dan kesetiaan yang jelas golongan imigran kepada Persekutuan Tanah Melayu. Malah, mereka terus hidup dengan budayanya dan kelompok masyarakatnya tanpa ada integrasi kaum. Penubuhan sekolah jenis kebangsaan yang bertaburan diseluruh negara juga adalah lambang tolak ansur dan kerjasama politik kerajaan terdahulu. Kelonggaran ini bukan disyukurinya, tetapi menjadi ruang untuk terus menolak perlombagaan dan perpaduan negara. Golongan pembangkang terus mendapat sokongan kaum mereka sehingga kedudukannya dalam politik semakin kukuh.

Namun, UMNO sebagai pemimpin politik Persekutuan Tanah Melayu, melaksanakan dasar berkerjasama dengan kaum-kaum lain yang menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu, untuk mencapai kemerdekaan dan menujuhkan Malaysia. Penubuhan Parti Perikatan 1955 dan Barisan Nasional 1974, adalah hasil kebijaksanaan para pemimpinnya, untuk melahirkan negara ini sebagai negara pelbagai kaum yang hidup aman damai sehingga menjadi tarikan masyarakat luar sehingga kini.

Dengan dasar itu UMNO terus menjadi pemimpin negara dan memenangi pilihan raya demi pilihan raya daripada 1955 sehingga 2013 dan menjadi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia, walaupun beberapa kali genting keadaannya. Pada tahun 1959 dan 1969 hampir UMNO hilang kuasanya, namun, UMNO dan parti besarnya dapat bertahan sehingga 2014. Kepimpinan Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri yang amat setia telah dapat menyelamatkan keadaan. Dengan pentadbiran yang masih dipegangnya, UMNO dapat membangunkan negara setapak demi setapak dari 1957 dan 1963.

Peranan UMNO sebagai ketua kerajaan dan negara selama 61 tahun dalam pembangunan dan kemajuan negara tidak dapat dinafikan. Pencapaian dalam semua bidang pembangunan negara samada dari segi pentadbiran, ekonomi, pendidikan, keselamatan negara, hubungan diplomatik, agama Islam dan kebijakan rakyat. Dapat dilihat bukan sahaja melalui statistik laporan jabatan kerajaan, tetapi juga pembangunan fizikal yang kelihatan dengan mata

kasar. Pembangunan pendidikan telah membolehkan taraf pendidikan rakyat yang terbaik dirantau ini. Pembangunan ekonomi pula telah membolehkan Malaysia menjadi negara yang sedang membangun dengan bidang industri sebagai keutamaan disamping pertanian dan pembangunan sumber manusia sebagai pembina negara. Perkembangan Islam sebagai agama Persekutuan dan negeri juga tidak dilupakan. Hubungan dengan negara-negara Islam juga dilakukan dengan baik. Memang Malaysia merupakan sebuah cerita kejayaan yang dihormati.

Perpaduan rakyat menjadi cerita penting kerajaan pimpinan UMNO atau Parti Perikatan. Peristiwa 13 Mei 1969 telah memberi titik hitam dalam sejarah negara. Perpaduan kaum telah terjejas selepas PRU 3 berlangsung. Kemenangan DAP dan Gerakan di Selangor yang memberi kemenangan yang hampir sama dengan Parti Perikatan iaitu 12 dan 13 kerusi, telah memberi keyakinan untuk mereka mencabar kerajaan Perikatan kerusi yang baharu ditubuhkan di bawah Datuk Harun Idris. Perarakan kemenangan mereka telah bertukar menjadi perarakan caci maki dan menghina orang Melayu pada 10, 11 dan 12 Mei. Pada 13 Mei berlaku tindak balas orang Melayu. Akhirnya peristiwa berdarah itu berlaku dengan korban yang bukan sedikit. Darurat kemudian diistiharkan dan MAGERAN ditubuhkan di bawah Tun Abdul Razak sebagai Pengurusnya.

UMNO sekali lagi menjadi penyelesaian isu perpaduan negara ini. Dasar Ekonomi Baru (DEB) diadakan bagi menyusun semula masyarakat yang terpecah kerana kedudukan ekonomi yang tidak seimbang diantara kaum di Malaysia. Jabatan Perpaduan ditubuhkan bagi mengatasi masalah perpaduan rakyat di Malaysia. Kerjasama politik dilakukan dengan penubuhan Barisan Nasional (BN) pada 1974. Pilihan Raya Umum 1974 menyaksikan UMNO menguasai semula kerajaan sebagai ketua BN. UMNO terus menjadi pemimpin BN sehingga kini.

Pengalaman pentadbiran yang begitu lama itu menunjukkan UMNO mempunyai kepimpinan yang kukuh dan tahan lasak. Setiap pemimpinnya diperingkat negara dan negeri memang silih berganti, namun secara umumnya kepimpinan mereka adalah baik.



Mereka mempamerkan kebolehan sebagai pentadbir dan pengurus negara, bukan sahaja dalam menyelesaikan masalah tetapi juga memakmurkan negara dengan langkah-langkah yang baik dengan didokong oleh kumpulan pegawai tadbir yang efisyen dalam semua peringkat negara, negeri dan daerah. Namun, kelemahan tetap ada dicelah-celah kejayaan itu, seperti adat manusia tidaklah sempurna.

Kemakmuran Malaysia terus dikuti dengan kritikan pembangkang yang sentiasa mencari salah dan memberi logik sesuai. Media sosial menjadi penyebarnya. Maka pandangan masyarakat mula berubah dipengaruhi oleh cita rasa baharu. UMNO dan BN dilihat tidak lagi membawa mandat tetapi penuh dengan korupsi kuasa dan kedudukan dan para pemimpinnya diselar begitu hebat sekali. UMNO bukan lagi parti keramat memperjuang nasib bangsa dan negara tetapi para pemimpin UMNO disemua peringkat, termasuk cawangan mula dicemuh. Semua jasa UMNO memajukan orang Melayu, agama Islam dan negara tidak lagi dihargai.

Dengan beberapa strategi yang berkesan pihak pembangkang mula dapat melemahkan UMNO/BN dalam pilihan raya demi pilihan raya, terutama selepas PRU 11. Disamping memainkan isu-isu perlembagaan seperti Fasal 3, 152, 153 dan 181. Dengan beberapa strategi yang bagus kumpulan ini dapat melemahkan UMNO/BN dalam pilihan raya demi pilihan raya. Disamping memainkan isu-isu perlembagaan seperti Fasal 3, 152, 153 dan 181, dan rasuah, pembangkang DAP juga membuat pakatan dengan parti-parti baharu seperti PKR untuk melemahkan perpaduan Melayu. Pakatan Alternatif, Pakatan Rakyat dan akhirnya Pakatan Harapan diwujudkan. Manakala UMNO juga dipecahkan daripada dalam dengan kebencian kepada para pemimpinnya. Pembangkang berjaya mengurangkan 2/3 UMNO/BN dalam PRU 12 dan 13, dan merobohkannya dalam pada PRU 14.

Dalam pilihan raya seterusnya, bagi kali pertama, UMNO/BN tidak lagi menjadi kerajaan Malaysia. Ramai yang terduduk sedih, terutama golongan orang lama yang telah senada dengan UMNO/BN. Namun sebahagian orang muda dan Melayu yang dikatakan 25 peratus menyokong Pakatan Harapan, ini adalah sebuah kejayaan besar kerana dapat mengubah senario politik Malaysia tanpa UMNO/BN sebagai kerajaannya. Malah bagi kerajaan Pakatan Harapan (PH) pula UMNO/BN adalah sebuah kesalahan yang mesti dihancurkan kewujudannya.

Kejayaan PH adalah kerana adanya segelintir orang Melayu yang melihat peluang untuk membodohkan dan membalias semua dendam kepada UMNO dan pemimpin tertentu. Seorang pemimpin yang memang terang terangan mengutuk DAP sebagai chauvinist dan rasis, kini sanggup menjadi pemimpin

mengetuai PH untuk menentang UMNO/BN dan berjaya menjadi perdana menteri bagi kali kedua. Di bawah kepimpinannya semua dasar kerajaan BN disemak, dibuang dan dikacau, sehingga memberi kesan langsung kepada rakyat. UMNO/BN terus dipersalahkan dengan tuduhan yang pelbagai dan hina. Namun, kuasa Allah SWT tak siapa pun menduga ia menjadi satu kejutan bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga dunia.

Diperdayai desakan untuk menggantikan beliau dengan tokoh lain yang sedang menanti, tiba-tiba pada 23 Februari 2020, beliau meletak jawatan dan membubarkan kabinetnya; dengan itu kerajaan PH juga turut terbubar. Tiba-tiba Malaysia mempunyai Perdana Menteri Interim, yang tidak terdapat dalam perlembagaan negara. Dengan kuasa Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, proses perlantikan Perdana Menteri dijalankan dengan mencari suara terbanyak kepada calon yang disenaraikan. Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang mendapat suara terbanyak walaupun tipis, diisitiharkan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru.

Pada 18 Mei nanti Parlimen akan bersidang untuk undi tidak percaya kepada Tan Sri Muhyiddin Yasin dan kerajaan Perikatan Nasional (PN) pimpinannya. Usul ini dibuat oleh bekas Perdana Menteri yang ketujuh, Tun Dr. Mahathir. Inilah peristiwa dinamik politik Malaysia dari seorang ahli politik yang memenuhi makna 'political animal'.

UMNO tetap memainkan peranannya sebagai parti yang berwibawa dengan dokongan ahli-ahlinya yang mantap berdiri dibelakangnya dalam keadaan senang dan susah. Walaupun mereka tidak dilantik sebagai menteri-menteri dalam kementerian-kementerian utama sedangkan mempunyai kerusi parlimen yang tertinggi daripada Bersatu dan sepihan PKR, namun, UMNO tetap dapat membantu negara, bangsa dan agamanya dalam pentadbiran negara. Banyak pihak melihat ini sebagai satu percaturan politik selamat, namun prinsip perjuangan agama, bangsa dan tanah air tetap didokongnya. Prinsip ini tidak membuang perpaduan rakyat Malaysia kerana BN adalah dianggotai oleh MCA dan MIC. Semoga UMNO terus kukuh dengan para pemimpin yang penuh iltizam menggalas amanah rakyat untuk negara yang makmur. Amin.



# ANALISIS DAN PANDANGAN

## AYUH UTAMAKAN PEKERJAAN, PEKERJAAN, PEKERJAAN

oleh: Shahril Hamdan Ketua Penerangan UMNO Malaysia

Melalui rancangan pemulihan ekonomi Malaysia yang akan datang, sebagaimana yang disebut oleh Perdana Menteri pada Jumaat yang lalu, dilihat bakal menjadi dasar ekonomi yang paling penting buat generasi ini. Apatah lagi di kala dunia sedang menghadapi fasa kemelesetan yang semakin memburuk, maka kerajaan perlu mempunyai komitmen yang besar meskipun ia mungkin membawa kita ke suatu arah yang baru.

Pertama sekali, singkirkan apa yang dinyatakan sebagai 'indah khabar dari rupa'. Realitinya, Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin tidak begitu banyak memberi rangsangan dalam merawat ekonomi negara yang sedang berhibernasi. Begitu juga dalam merancang dasar pemulihan ekonomi masa hadapan perlu mengambilkira unsur pengekalan dan survival, apatah lagi dengan kadar pengangguran yang semakin tinggi dan insolvensi yang berskala besar. Perlu sedar bahawa wujudnya keperluan untuk transaksi kewangan tunai dan bantuan kecairan isi rumah.

Apakah bahagian pemulihan sebenar dalam rancangan ini? Pada saya, saya percaya ia bermula dengan peralihan cara berfikir yang utama; iaitu dengan menyasarkan pekerjaan dan pendapatan isi rumah dan bukannya dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kebimbangan terhadap KDNK sebagai petunjuk utama kesihatan ekonomi negara adalah baik. Namun, mungkin pada masa sekarang ia perlu bertumpu kepada isu pemberhentian kerja dan kehilangan pendapatan, maka kita akan mempunyai pandangan pragmatik yang jelas; 'Utamakan pekerjaan, pekerjaan, pekerjaan'.

Bagi tujuan itu, ekonomi negara perlu kembali kepada peluang pekerjaan dengan kadar segera. Tentunya, ia mudah diungkapkan dari melakukannya. Sebagaimana disebutkan, banyak syarikat telah ditutup dan ramai pekerja hilang mata pencarian.

Saya melihat ada perkara yang boleh dilakukan pada penghujung Mac lalu, namun kali ini mari kita fokus kepada apa yang boleh kita lakukan sekarang. Dan ini adalah beberapa cadangan dari diri saya.

Pertama, kita cuba kurangkan kadar kehilangan pekerjaan di sektor swasta dengan meningkatkan dan memudahkan subsidi upahan. Inilah yang dilakukan oleh negara jiran kita, Singapura.

Tetapkan perangkaan khusus terhadap sektor ini dengan 25 hingga 75 peratus daripada rang undang-undang gaji dibatasi pada jumlah yang sama, katakan RM5,000 setiap bulan pada setiap pekerja.

Kerajaan berada pada posisi yang baik untuk membuat kira-kira berapakah kos yang diam-bil dalam dasar ini, dengan mempertimbangkan pampasan setiap pekerja dalam kadar 35 peratus daripada KDNK, atau kita anggarkan sekitar RM40 bilion dalam tempoh tiga bulan ini.

Jelas, dalam usaha kita memberi suntikan sebegini ia perlu didatangkan dengan beberapa syarat supaya ia dapat membantu sektor pekerjaan semata-mata. Fikirkan juga beberapa aspek ketiadaan pembelian balik sahan dan tiada kenaikan gaji eksekutif untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Tidak perlu dijelaskan bahawa bantuan sebegini tidak boleh dilakukan dalam masa yang panjang. Cukup dengan tempoh tiga bulan untuk memberi ruang setiap individu yang terjejas untuk bernafas, selain menentukan apakah rancangan jangka masa sederhana dan panjang nanti.

Namun, beberapa langkah radikal perlu diperimbangkan juga sekiranya krisis kesihatan global ini tidak pulih selepas Julai. Contohnya, bagi sektor kritikal, kerajaan boleh bertindak sebagai pembeli untuk mengatasi jangkaan permintaan yang rendah, sama ada dari hasil pertanian atau tiket penerbangan, kesemuanya perlu dinyatakan. Meskipun ia bertentangan dengan konvensyen, namun jika kita masih beroperasi dengan cara lama, umpamanya kita meletakkan diri kita di dalam sebuah pertempuran yang kalah.

Ya, saya boleh mendengar ada yang menjerit dan menyatakan 'No Bailout' ketika saya menulis tentang hal ini. Sentimen sebegini ada asasnya, oleh itu bantuan dalam suatu jangka masa yang panjang perlu dilakukan dengan cara kerajaan menjamin kedudukannya dengan membeli perusahaan yang terbabit melalui waran untuk syarikat awam atau saham pilih yang boleh ditukar tebus.

Sekiranya syarikat yang dibantu itu masih tidak berjaya dalam tempoh matang yang ditetapkan, kerajaan boleh menukar instrumen ini kepada saham biasa dan memberi pilihan lain selepas ketidkaupayaan itu diselesaikan. Ini bukan sahaja membendung budaya kebergantungan sektor korporat kepada bantuan kewangan, malah langkah-langkah seperti yang disebutkan tadi mampu mengimbangi kerajaan, selain membolehkan ia menerima pembayaran terlebih dhaulu sebelum diambil oleh oleh golongan tycoons.

Sekiranya apa yang disebut di atas tadi masih gagal atau tidak mencukupi, dan barulah program jaminan pekerjaan kerajaan boleh dimulakan. Saya suka melihat idea ini walaupun ia memerlukan butiran yang lengkap dan terperinci dalam bagaimana ia boleh dilaksanakan.

Kesemua pilihan tersebut membawa maksud kepada sejumlah peruntukan yang besar. Mungkin juga memerlukan perubahan dari segi undang-undang. Malah mereka juga harus seiring dengan panduan jangka panjang untuk membangunkan infrastruktur dan ekonomi hijau negara. Mungkin juga jumlah hutang negara akan melebihi KDNK.


Pandang sekeliling, seperti Jepun, Amerika Syarikat, Singapura, negara-negara Eropah tanpa adalah kedaulatan monetari, mungkin berdepan dengan hampir atau lebih halangan psikologi sehingga 100%.

Secara ironinya, krisis ini memberi peluang kepada kita untuk mengikis paradigma yang berdekad lamanya berkenaan hutang, operasi monetari dan peranan sebenar sebuah kerajaan.

Kerap kali kita berasa risau dengan langkah yang lebih berani dan ke depan. Mungkin kita perlu mempertimbangkan juga untuk membuang kos tidak efektif dan cara lama dalam pentadbiran. Kadar pengangguran yang semakin tinggi berbanding tempoh pra-krisis yang lalu, begitu juga dengan tahap stagflasi yang tidak memberi hasil. Di minggu-minggu akan datang akan memberi petunjuk tentang pihak manakah yang kerajaan akan berpihak.

*The New Straits Times, 3 Mei 2020*





کونکرنس فتووین کیشان ملايو بوساتو


# 1946

**SEJARAH**

# PENCANTUMAN PERSATUAN MELAYU LAHIRNYA UMNO

Oleh: Aemirulrizaki Rambl

[aemierulrizaki@gmail.com](mailto:aemierulrizaki@gmail.com)



Cadangan untuk menujuhkan Malayan Union (MU) telah menyebabkan orang Melayu marah. Penentangan mula dibuat dalam pelbagai bentuk iaitu secara individu, secara kolektif dan melalui persatuan.

Sebaik sahaja Malayan Union diumumkan, secara individu, orang-orang Melayu telah menyatakan bantahan mereka dan melahirkan rasa tidak puas hati mereka melalui rencana dalam akhbar Utusan Melayu di Singapura, akhbar Majlis di Kuala Lumpur dan Warta Malaya di Pulau Pinang termasuk menulis surat bantahan dan bertindak menghantar kawat kepada kerajaan Britain di London.

Rencana tentang keburukan Malayan Union ditulis untuk membangkitkan semangat orang-orang Melayu dan menyeru orang-orang Melayu bersatu untuk menujuhkan sebuah pertubuhan kebangsaan bagi menentang Malayan Union ini.

Secara kolektif penentangan seterusnya dilakukan dengan cara yang lebih teratur dan bersifat bersama, iaitu melalui persatuan Melayu di peringkat negeri. Persatuan-persatuan Melayu mengadakan perarakan dan tunjuk perasaan atau demonstrasi di seluruh Tanah Melayu untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap British.

Pada 15 Disember 1945, Persatuan Melayu Kelantan menganjurkan satu tunjuk perasaan dan perarakan yang disertai oleh 10 000 orang semasa ketibaan MacMichael di Kelantan untuk mendapatkan persetujuan sultan Kelantan. Persatuan ini telah mengadakan satu lagi demonstrasi bantahan pada 1 Februari 1946 di Kota Bharu, Kelantan.

Pada 19 Januari 1946, Persatuan Melayu Kedah (PMK) telah berdemonstrasi dan perarakan raksasa diadakan di Alor Setar yang melibatkan 50 000 orang.

Pada 10 Februari 1946, seramai 15 000 orang Melayu termasuk 450 orang wanita telah menganjurkan demonstrasi bantahan di Johor.

Selain daripada tunjuk perasaan, Dato' Onn Jaafar dan Persatuan Melayu Selangor mengambil daya usaha untuk menganjurkan satu Kongres Melayu Se-Malaya pada awal bulan Mac 1946 yang dihadiri oleh 42 buah pertubuhan Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Kongres itu bersetuju untuk menyatukan seluruh Persatuan Melayu bagi menentang Malayan Union secara berkumpulan.

Pada 29 dan 30 Mac 1946, Kongres Melayu Se-Malaya telah mengadakan mesyuarat tergempak. Dalam mesyuarat ini kongres telah menyeru orang-orang Melayu supaya: pertama, bersatu padu menentang Malayan Union. Kedua, memulaukan upacara berhubung dengan penubuhan Malayan Union. Ketiga, memulaukan sebarang upacara berhubung dengan pelantikan Gabenor Malayan Union.

Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) turut digesa memulaukan sebarang majlis yang mahu mengiktiraf Malayan Union dan menarik diri dari sebarang pelantikan jawatan kuasa dan diarah berkabung selama 7 hari sebagai tanda bantahan terhadap Malayan Union dengan melilitkan kain putih pada songkok.

Inggeris tidak menghiraukan bantahan yang dibuat oleh orang Melayu. Pada 1 April 1946, Malayan Union diisyiharkan secara rasmi dengan Sir Edward Gent menjadi Gabenor yang pertama.



Orang Melayu memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union dan semua majlis lain yang dianjurkan oleh Inggeris. Sebagai tanda bantahan, orang Melayu berkabung selama tujuh hari dengan melilit kain putih pada songkok.

Kongres Melayu Se-Malaya kedua pada 11 Mei 1946 di Johor Bahru membuat keputusan untuk menubuhkan United Malays National Organisation (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PERKEMBAR) iaitu sebuah organisasi yang bertanggungjawab untuk menentang Malayan Union secara bersepadu.

UMNO mendapat sokongan padu daripada orang Melayu dan raja-raja Melayu dan Dato' Onn Jaafar dipilih menjadi Presiden UMNO yang pertama.

Rujukan: "Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu": Oleh Ibrahim Mahmood, Pustaka Antara (1981)



